



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN ^{KETUJUH}
Seventh Parliament
PENGGAJ ^{KETIGA}
Third Session

Jilid III Bil. 1

Hari Isnin

27hb Mac, 1989

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAAH:

Y.B. Puan Mazidah binti Haji Zakaria
T.B. Puan Ainon binti Ariffin
Y.B. Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat
T.B. Dr. Nordin bin Selat (Ruangan 1)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru (Ruangan 1)
Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong (Ruangan 1)
Memperkenankan Akta-akta (Ruangan 3)
Perutusan daripada Bewan Rakyat (Ruangan 3)

URUSAN MESYUARAT (Ruangan 4)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 5)

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen (Ruangan 50)
Jawatankuasa Pemilih - Lantikan Ahli-ahli (Ruangan 52)
Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong - Y.B. Pandikar Amin Haji Mulia (Ruangan 53)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 27hb Mac, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]**

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

1. Puan Mazidah binti Haji Zakaria
2. Puan Ainon binti Ariffin
3. Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat
4. Dr. Nordin bin Selat

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAH AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli yang baru dilantik semula itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlang.

**TITAH UCAPAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 6hb Mac, 1989 Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah

Ucapan Di Raja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi Parlimen.

[Teks Titah Ucapan D.Y.M.M. Diedarkan]

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Penggal yang lalu seperti berikut:-

1. Akta Kewangan 1988;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1987)(No.2) 1988;
3. Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1988;
4. Akta Perbekalan 1989;
5. Akta Mahkamah Juvana (Pindaan) 1989;
6. Akta Imigresen (Pindaan) 1989;
7. Akta Wang Tak Dituntut (Pindaan) 1989;
8. Akta Bidan (Pindaan) 1989;
9. Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1989;
10. Akta Syarikat (Pindaan) 1989;
11. Akta Setem (Pindaan dan Perluasan) 1989;
12. Akta Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1989;
13. Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 1989; dan
14. Akta Kerja (Pindaan) 1989.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jempit Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"24hb Mac, 1989

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,.

"Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang" yang berikut dan meminta Dewan Negara mempsrsetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988);
2. Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja(Pindaan);
3. Rang Undang-undang Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka)(Pindaan);
5. Rang Undang-undang Kanun, Keseksaan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Peguambela (Sabah)(Pindaan);
9. Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak)(Pindaan); dan
10. Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah)(Pindaan dan Perluasan).

Yang ikhlas,

t. t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang Kedua dan Ketiganya di Mesyuarat ini.

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988);
2. Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Lembaga Pendattaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka)(Pindaan);
5. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Peguambela (Sabah)(Pindaan);
9. Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak)(Pindaan); dan
10. Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah)(Pindaan dan Perluasan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

EKSPLO ELEKTRONIKA

1. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Penerangan menyatakan apakah pencapaian hasil EKSPLO ELEKTRONIKA yang dirasmikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam bulan Disember 1988;

- (i) berapa ramaikah pelawat yang berkunjung ke Ekspo tersebut dari negara Malaysia dan pelancong-pelancong dari luar negeri;
- (ii) media elektronik jenis apakah yang ditonjolkan; dan
- (iii) bagaimanakah sambutan mengenai jenama yang diketengahkan dan berapa peratuskah pendapatan dari jualan.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bia Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, tujuan EKSP0 ELEKTRONIKA diadakan adalah untuk menedahkan kemajuan teknologi penyiaran yang muktahir di samping memberi pengetahuan 'first-hand knowledge', dengan izin, khususnya kepada para pengunjung EKSP0 dan mengarahkan supaya pemikiran dan pengetahuan para penonton akan bertambah meningkat dari segi teknologi secara amnya

- (i) Ekspo tersebut dikunjungi oleh lebih daripada 600,000 orang. Ini termasuk pelawat-pelawat dari luar negeri yang tidak dipecahkan angkanya di sini.
- (ii) Semasa Ekspo tersebut diadakan, demi mempertingkatkan pemahaman tentang teknologi penyiaran dan telekomunikasi para pelawat; berbagai-bagai rancangan disediakan. Di antaranya adalah siaran TV terus menerus dari negara-negara asing seperti. Amerika Syarikat, Australia, Thailand, New Zealand dan lain-lain yang disiarkan melalui Satelit terus ke stesyen bumi di Angkasapuri atau KOMTAR (Kompleks Satelit Radio Televisyen Malaysia), percubaan membaca berita, percubaan berlakon drama, animasi kartun, cara-cara penggambaran, pertunjukan pentas, pameran alat-alat penyiaran televisyen dan radio yang lama dan baru dan lain-lain. Di samping itu juga pertunjukan-pertunjukan robot, permainan laser dan pameran-pameran yang berkaitan dengan teknologi itu juga diadakan.

(iii) Soalan Jenama yang diketengahkan tidak timbul sama sekali kerana semasa Ekspo tersebut diadakan, tujuannya bukanlah untuk memperkenalkan mana-mana jenama. Walaupun Ekspo tersebut dibuat di perkarangan Angkasapuri dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan dan swasta tetapi ianya tidak membawa sebarang perbelanjaan kepada RTM atau Kementerian Penerangan. Ekspo tersebut telah dikendalikan oleh pihak Kelab Angkasapuri, dengan kerjasama badan-badan kebajikan yang lain seperti Persatuan Penyiar, Puspanita dan Badan Kebajikan Jabatan Penerangan. Jumlah perbelanjaan dan hasil dan juga peratusan hasil dari jualan tiket bukanlah di bawah tanggungan Kementerian ini tetapi adalah di bawah badan-badan yang seperti tersebut di atas.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan tatkala perasmian Ekspo yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah Kementerian Yang Berhormat mengeluarkan jemputan kepada kami Ahli-ahli Dewan Negara. Jika tidak, di lain kali apabila sesuatu perasmian projek-projek besar apa salahnya berbudi bahasa dengan kami, sebab kami dapat melihat dengan sendiri supaya dapat menjadikan satu bahan kepada rakyat jika sekiranya kita minta untuk memberi penjelasan. Saya ingin tahu, Yang Berhormat.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya EKSPLO ELEKTRONIKA yang diadakan pada bulan Disember tahun lalu ialah merupakan satu Ekspo yang terbuka kepada semua masyarakat, Maka itu Kementerian dengan kerjasama badan-badan yang ada di dalam Kementerian iaitu badan-badan kebajikan telah mengenakan bayaran tiket masuk secara membeli tiket. Jadi, saya kurang pasti sama ada di-jemput secara bersurat atau tidak, kerana itu satu Ekspo terbuka. Terima kasih.

Tuan Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Di antara pelawat-pelawat yang diuji sebagai pembaca berita yang baik itu, adakah di antara mereka yang diambil pekerja dengan RTM sekarang ini ataupun kemungkinan pada masa yang akan datang.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, antara orang-orang yang telah mencuba bakat untuk, membaca berita di akhir sepanjang Minggu ELEKTRONIKA diadakan tidak semestinya diambil sebagai pembaca berita. Tetapi nampaknya sambutan memang begitu baik daripada para pelawat yang mahu mencuba bakat kerana berkenaan dengan membaca berita ini kita mengadakan 'audition' yang berasingan, mungkin juga di kalangan mereka yang telah mencuba bakat sepanjang Minggu ELEKTRONIKA diadakan boleh mencuba mendapatkan peluang untuk membaca berita sebagai sambilan. Terima kasih.

MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA - PENUBUHAN

2. **Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan semenjak tertubuhnya MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA, Januari yang lalu setakat ini sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai oleh badan tersebut dalam melaksanakan tugasnya. Berapa ramaikah ahli dan bagaimana pemilihan dibuat.

30.3. 89

22. **Puan Ainon Ariffin** minta Perdana Menteri menyatakan mengenai penubuhan "MPEN" dan perkembangannya sehingga ini.

3.4.89

36. **Tuan Hassan bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN);
- (b) apakah MPEN telah mencapai kata sepakat mengenai data-data asas tentang ekonomi negara yang sebelum ini kesahihannya dipertikaikan oleh pihak-pihak tertentu; dan
- (c) apakah prospek kejayaan MPEN dalam usaha untuk merencana objektif, strategi dan program ekonomi untuk post 1990.

4.4.89

37. **Tuan Tan Chai Ho** minta Perdana Menteri menyatakan apakah matlamat Majlis Perundingan Ekonomi Negara yang ditubuhkan. Se jauh manakah perkembangan mesyuarat yang diadakan ialah Majlis ini selama ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti

Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama soalan-soalan daripada Y.B. Puan Ainon Ariffin pada 30hb Mac, 1989, Y.B. Tuan Hassan Harun pada 3hb April, 1989 dan Y.B. Tuan Tan Chai Ho pada 4hb April, 1989 sekali gus kerana soalan-soalan yang dikemukakan oleh semua Yang Berhormat tersebut saling berkaitan iaitu mengenai Majlis Perundingan Ekonomi Negara.

Majlis Perunding Ekonomi Negara ditubuhkan oleh Kerajaan dengan tujuan untuk mengadakan satu forum di mana rakyat dari berbagai latarbelakang dan kepentingan mendapat peluang mengemukakan hasrat dan pandangan mereka mengenai pencapaian dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru serta pengubalan dasar baru selepas 1990.

Ahli-ahli Majlis adalah seramai 150 orang iaitu 75 bumiputera dan 75 bukan bumiputera. Mereka dilantik oleh Kerajaan bagi mewakili segenap lapisan masyarakat meliputi semua pertubuhan politik, golongan peniaga, kesatuan sekerja, bank dan institusi-institusi kewangan, pertubuhan-pertubuhan guru, petani, nelayan dan kumpulan-kumpulan minoriti.

Perlantikan ahli-ahli yang mewakili parti politik dan pertubuhan adalah atas cadangan badan itu sendiri.

Setakat ini, Majlis telah mengadakan persidangan sebanyak 2 kali iaitu pada 19hb dan 20hb Januari dan pada 14hb dan 15hb februari, 1989. Lima Jawatankuasa telah ditubuhkan bagi mengkaji prestasi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan sedang giat menjalankan tugas masing-masing untuk mencari rumusan dan membawanya kepada Majlis untuk mengambil langkah-langkah dan keputusan selanjutnya. Majlis ini diberi tempoh selama setahun iaitu sepanjang tahun 1989 untuk menyempurnakan tanggungjawabnya.

Berhubung dengan data-data asas tentang ekonomi negara yang sebelum ini kesahihannya dipertikaikan oleh pihak-pihak tertentu, salah satu dari lima Jawatankuasa yang ditubuhkan itu sedang mengkaji akan masalah iai.

Sungguhpun sehingga kini Majlis hanya baru mengadakan dua kali persidangan pihak Kerajaan percaya bahawa Majlis ini akan berjaya menjalankan tanggungjawabnya bagi mengemukakan pandangan untuk pertimbangan Kerajaan bagi satu rangka pelan induk negara selepas 1990.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagaimanakah sambutan seluruh rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini terhadap Majlis Perunding Ekonomi Negara. Adakah mereka menerimanya dengan tidak berbelah bahagi?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang kita telah dapat maklumat daripada pihak orang ramai nampaknya telah mengalu-alukan pengwujudan Majlis ini dan menunggu hasil yang bakal dilaksanakan oleh Majlis ini.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri cuma DAP sahaja yang tidak menghantar wakilnya untuk menjadi ahli Majlis Perunding Ekonomi Negara. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini kenapa lain pertubuhan semua menyambut baik dan menghantar wakil, kenapa DAP tidak sanggup menghantar wakil. Adakah kerana dia merasakan dia merupakan sebuah parti yang ingin sentiasa mengkritik Kerajaan. Kalau dia masuk terlibat di dalam Majlis Perunding itu maka dia sudah terikat. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju pandangan saya tadi?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kita pun tak tahu fasal apa ahli DAP tidak mahu mengikuti Majlis Perunding ini walaupun Kerajaan bersikap terbuka kepada semua golongan parti-parti pertubuhan. Namun demikian, saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat itu mungkin ada sesuatu di sebalik tidak menerima sambutan itu,

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah cadangan untuk membenarkan pihak akhbar untuk membuat liputan segala perbincangan persidangan Majlis Perunding Ekonomi Malaysia?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, segala keputusan mengenai liputan atau apa-apa perkara yang boleh dilakukan semasa Majlis ini menjalankan kerjanya terpulung kepada keputusan yang akan dibuat oleh Pengerusi dan ahli-ahli Majlis ini.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990

3. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan bagaimanakah orang ramai dapat membantu dalam persediaan menyambung Tahun Melawat Malaysia 1990, terutama dari segi menjaga kebersihan dan keindahan:

- (a) tandas awam;
- (b) tempat memasak (dapur) kedai-kedai; dan
- (c) kawasan tempat pelancongan dan lain-lain lagi supaya dapat menambat hati pelancong-pelancong nanti,

sejauh manakah sudah persiapan dijalankan oleh Kementerian sendiri sebagai persediaan.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan [Dato' Haji Sabbaruddin Chik]: Tuan Yang di-Pertua, rancangan galakan pelancongan melalui Tahun Melawat Malaysia 1990 sememangnya memerlukan sumbangan dan penglibatan semua pihak yang terlibat dalam industri pelancongan **ini**. Penyertaan rakyat umum juga adalah penting bukan sahaja dalam menyertai acara yang telah dirancang bersempena, dengan Tahun Melawat Malaysia ini tetapi juga dengan sikap dan tingkahlaku mereka terhadap kemudahan-kemudahan awam dan juga pelancong asing yang datang ke negara kita.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian menganggap adalah mustahak bagi orang ramai diminta dan digalakkan supaya mempunyai kesedaran dan sikap tanggungjawab untuk menjaga kebersihan alam sekitar dan juga kemudahan-kemudahan awam yang disediakan seperti tandas-tandas awam, tempat-tempat memasak kedai-kedai dan juga restoran serta tempat-tempat tumpuan pelancongan.

Bagi menghadapi Tahun Melawat Malaysia ini Kementerian telah merancang program-program tertentu bersama dengan Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan lain yang berkenaan, juga dengan

Kerajaan-kerajaan Negeri, Majlis Perbandaran dan Kerajaan Tempatan yang bertujuan untuk menentukan tempat-tempat tersebut berada di dalam keadaan yang bersih, keadaan teratur dan memuaskan.

Acara-acara program yang sedang dijalankan termasuk mengadakan kempen kesedaran pelancongan ke seluruh negara melalui kerjasama dari media massa termasuk media cetak, radio dan televisyen dan juga mengadakan ceramah-ceramah dan majlis-majlis taklimat tentang Tahun Melawat Malaysia dan melalui kempen ini soal-soal kebersihan tempat-tempat awam dan alam sekitar amat dititikberatkan dan juga dengan menyediakan serta memperbaiki kemudahan-kemudahan asas seperti tandas awam dan gerai-gerai makan di tempat tumpuan pelancong. Bagi tempat-tempat yang telah sedia ada dengan kemudahan-kemudahan asas ini kerja-kerja memperindah dan membersihkan tempat-tempat tersebut akan dilaksanakan sebelum menjelangnya Tahun Melawat Malaysia 1990.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri yang berkenaan selain daripada apa yang telah diterangkan tadi adakah perundingan ataupun persediaan telah dijalankan juga dari segi pengangkutan dan pemandu pelancong?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Ada, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kejayaan Tahun Melawat Malaysia ini saya ingin mendapat sedikit penerangan daripada Yang Berhormat Menteri tentang usaha-usaha bagaimana penyelarasan dijalankan oleh pihak Kementerian di peringkat Pusat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri kerana saya mendapat maklum bahawa adakalanya usaha-usaha promosi dilakukan secara berasingan di antara pihak Pusat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri mengenai pelancongan ini.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sememang ada satu Jawatankuasa peringkat Pusat di mana Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan dan Pelancongan dan ahli-ahlinya terdiri daripada ahli-ahli Exco Kerajaan-kerajaan Negeri yang bertanggungjawab tentang pelancongan di mana masalah-masalah bersama dibincangkan di dalam Jawatankuasa itu.

Berkenaan dengan promosi, sepenarnya promosi memang dibuat di peringkat Pusat di mana apabila promosi dibuat di peringkat Kementerian, Kerajaan-kerajaan Negeri juga dipelawa hadir bersama. Dalam pada itu, ada juga Kerajaan-kerajaan Negeri yang lebih memberi tekanan kepada pelancongan ini dan di dalam keadaan yang sedemikian Kerajaan-kerajaan Negeri membuat promosi tambahan khusus di tempat-tempat yang difikirkan sesuai bagi pelancong melawat ke negeri berkenaan, ini: termasuk misalannya di Terengganu, Melaka membuat promosi-promosi sendiri tambahan kepada promosi yang dibuat oleh peringkat Pusat.

SKIM BANTUAN "MAJU DIRI" SISWAZAH MENGGANGGUR

4. **Puan Hajjah Rabidah binti Jusoh** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan akan mengadakan satu skim bantuan "Maju Diri" kepada siswazah menganggur supaya mereka dapat menceburkan diri dalam bidang Pertanian, Perikanan atau Ternakan.

28.3.89

38. **Dr Tan Chong Reng** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang telah ataupun akan diambil oleh Kementeriannya untuk membantu belia lulusan kolej atau unversiti memulakan projek pertanian.

4.4.89

12. **Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada siswazah-siswazah di bawah Program Petani Siswazah dan sejauh manakah penglibatan siswazah-siswazah daripada jurusan lain yang menyertainya.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Alexander Yu Lung Lee]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng pada 28hb Mac, 1989 dan Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim pada 4hb April, 1989 memandangkan pertanyaan-pertanyaan ini adalah melibatkan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang mengadakan satu skim bantuan "Maju Diri" kepada siswazah menganggur supaya mereka dapat menceburi diri dalam bidang pertanian, perikanan dan penternakan. Ini adalah kerana program petani siswazah yang telah dilancarkan pada 23hb September, 1986 oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri masih lagi di peringkat pelaksanaan dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada siswazah-siswazah.

Sehingga kini 696 orang siswazah telah mendaftarkan diri dengan Kementerian Pertanian. Program Petani Siswazah diwujudkan bertujuan untuk mendapatkan penglibatan para siswazah yang muda dan terlatih terutama dalam bidang yang ada kaitan dengan pertanian supaya dapat menukarkan corak pertanian daripada yang berbentuk tradisional kepada yang berbentuk moden dan berorientasikan komersial. Di bawah, program ini Kementerian ada menyediakan beberapa insentif kepada siswazah-siswazah iaitu:

(i) **Kemudahan Latihan**

Pada tahun lepas satu latihan orientasi diadakan kepada 107 orang siswazah bertujuan memberi pendedahan kepada mereka tentang bidang pertanian yang berpotensi untuk diceburi. Berikutan dari, latihan orientasi tersebut, Kementerian dengan kerjasama Jabatan dan agensi-agensi di bawahnya dari masa kesemasa ada menyediakan latihan mengikut bidang dan komoditi tertentu.

(ii) **Penyediaan Kemudahan Kredit**

Di bawah Bank Pertanian Malaysia, di mana siswazah yang bercadang mengusahakan sesuatu projek pertanian boleh memohon jumlah maksima \$30,000 dengan kadar faedah 4%. Sehingga Mac 1989, pinjaman yang telah diluluskan oleh Bank Pertanian Malaysia kepada siswazah adalah berjumlah \$1.9 juta bagi 71 pinjaman yang melibatkan 114 orang siswazah.

Daripada jumlah siswazah yang telah mendaftar dengan Kementerian, seramai 187 orang siswazah telah melibatkan diri dalam 83 buah projek. Di antara projek yang dijalankan ialah seperti projek tanaman sayur, jagung, betik, pisang, tapak semaian bunga-bunga, buah-buahan, ternakan lembu daging, lembu tenusu, kambing serta ternakan ikan air tawar. Walau bagaimanapun program-program ini bergantung kepada bantuan dan kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh Kerajaan Negeri seperti tanah dan kemudahan infrastruktur. Sukacita dimaklumkan bahawa program ini terbuka kepada semua siswazah tanpa mengira jurusan masing-masing asalkan mereka berminat.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan pinjaman yang akan diberi kepada siswazah ini, adakah berkehendakkan penjamin ataupun cagaran?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, lagi baik kalau boleh cagar, tetapi kalau tidak ada cagaran mesti ada penjamin 2 orang.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, tidakkah skim maju diri, dengan apa yang telah dirancang oleh Kementerian berkenaan ada keadaannya, hanya mungkin tidak ada pada namanya sahaja, tetapi pada pelaksanaannya dan kepada tindakan, ianya sudah merangkumi perkataan maju diri.

Kedua, saya ingin bertanya, daripada jumlah yang telah mendaftar untuk mendapatkan bantuan pertolongan daripada skim yang dianjurkan ini atau rancangan yang dianjurkan itu, berapa ramaikah Bumiputera?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan kedua dahulu, daripada 187 orang siswazah, cuma 2 orang sahaja bukan Bumiputera. Berkenaan soalan pertama, iaitu berkenaan dengan pelaksanaan skim maju diri, ia bergantung kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang boleh memberi tanah dan kemudahan-kemudahan infrastruktur. Kalau tidak boleh dapat tanah maka projek ini tidak boleh dilaksanakan.

SKIM PERKHIDMATAN GURU-GURU

5. Tuan Lau Keng Siong minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah akan diambil oleh Kementerian Pendidikan terhadap masalah berikut:

Guru-guru berpangkat B1 dan B2 patutlah dibenarkan memasuki Tanggaji 2 skim kerana kebanyakan mereka sudah tua dan akan bersara tidak lama lagi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua skim Perkhidmatan bagi guru-guru masih lagi di peringkat penggubalan. Guru-guru Kategori B1 dan B2 adalah juga di dalam pertimbangan.

SUKAN NEGARA - MENINGGIKAN MUTU

6. Puan Norani binti Haji Beluah minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian bagi meninggikan mutu sukan di Negara Ini; dan
- (b) apakah perancangan pihak Kementerian bagi memastikan setiap athlit-athlit Negara ini mencapai kejayaan yang cemerlang dalam Sukan SEA yang akan diadakan pada bulan Ogos, 1989 di Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Belia dan dan Sukan [Cik Teng Gaik Kwan];

Tuan yang di-Pertua, dalam usaha untuk meninggikan mutu sukan di negara kita, Kementerian Belia dan Sukan bersama Majlis Sukan Negara Malaysia telah, sedang dan akan melaksanakan beberapa langkah yang positif seperti berikut:

- (i) Mewujudkan satu dasar Sukan Negara;
- (ii) Penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan Projek 'Gemilang 90' pada 2hb Disember, 1986 yang mana tujuan projek ini ialah bagi memastikan athlit-athlit yang dipilih untuk menyertai Sukan SEA 1989 dan Sukan Asia tahun 1990 mendapat bimbingan dan latihan persediaan yang mencukupi dan rapi;
- (iii) Meningkatkan jentera pentadbiran persatuan-persatuan sukan kebangsaan dengan menggalakkan perlantikan Setiausaha Kerja yang bertugas sepenuh masa;
- (iv) Merancang dan melaksanakan program-program sukan termasuk membantu Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan mengenai latihan, pendedahan dan penyertaan di peringkat antarabangsa;
- (v) Mclaksanakan program untuk memajukan jurulatih dan mempertimbangkan pendidikan kejurulatihan melalui Lembaga Kejurulatihan Kebangsaan;
- (vi) Mengadakan beberapa galakan dan insentif sebagai bantuan dan ganjaran atas usaha-usaha yang dijalankan oleh athlit mahupun jurulatih dan pegawai-pegawai sukan;

- (vii) Mewujudkan program latihan sepenuh masa bagi athlit, jurulatih-jurulatih dan pentadbir-pentadbir sukan;
- (viii) Melaksanakan program Pembangunan Bakat dan Program Pembangunan Pelapis bagi mendapatkan kesinambungan dalam bekalan athlit-athlit negara; dan
- (ix) Mengadakan rancangan kemudahan sukan secara menyeluruh di seluruh negara.

Jumlah perbelanjaan untuk program-program tersebut mulai bulan Januari hingga September 1988 ialah sebanyak \$1,789,000.00..

(b) Perancangan-perancangan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara Malaysia bagi mencapai kejayaan yang cemerlang dalam Sukan SEA yang akan diadakan pada bulan Ogos., 1989 ialah:

- (i) Program latihan Persediaan ke arah Sukan,. SEA yang bertujuan menyediakan satu pasukan kebangsaan yang berkewibaaan bagi menghadapi Sukan SEA di Kuala Lumpur. Program latihan tahun ini memperuntukkan sebanyak \$3.7 juta bagi mcmbiyai aktiviti-aktiviti seperti berikut: Latihan pusat, pertandingan luar negeri, pendedahan, elaun jurulatih dan peralatan dan kemudahan.

Program latihan ini merangkumi 24 jenis sukan yang akan dipertandingkan di dalam Sukan SEA ke XV di Kuala Lumpur kelak.

Pihak Majlis Sukan Negara (MSN) sentiasa mengadakan perbincangan-perbincangan dengan semua Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan bagi mendapatkan cadangan-cadangan balas dan hasil dari perbincangan tersebut. Program Latihan ini telah disemak semula dan peruntukan kewangan yang baru telah diluluskan bagi memantapkan lagi program latihan untuk tahun ini.

- (ii) Mewujudkan Skim Jawatan Kumpulan Ahli Sukan untuk atlet-atlet, jurulatih dan pegawai-pegawai sukan bagi memudahkan mereka yang terlibat menjalani latihan sepenuh masa bagi penyediaan menghadapi Sukan SEA.
- (iii) Mengadakan Kem Latihan Nasional selama satu bulan menjelang Sukan SEA untuk tujuan memperingkatkan disiplin dan menanamkan semangat cintakan negara serta membina kekuatan fizikal dan mental atlet-atlet. Di samping itu, ia juga dapat merapatkan silaturahmi dan perasaan muhibah antara satu sama lain.
- (iv) Menyediakan seorang pakar dalam bidang psikologi dari Kanada untuk mengadakan beberapa klinik raental kepada atlet-atlet dan jurulatih-jurulatih yang dikenalpasti sebagai persiapan menghadapi Sukan SEA.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Telahpun terbukti ada juga antara atlit-atlit yang menganggur dan tanpa sumber kewangan untuk hidup. Soalan saya, apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah ini supaya prestasi dan masa hadapan mereka terjamin?

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita ada beri sumbangan untuk atlet-atlet. Kalau di peringkat antarabangaa kita beri sebanyak \$250 sebulan selama 2 tahun dan di peringkat Asia dan serantau sebanyak \$200 sebulan. Ini ialah subsidi sahaja. Tentang langkah Kementerian saya, Kementerian juga memberi latihan kepada belia dan mengenai pengangguran ini, kita ada lain projek, bukan untuk atlet.

Tuan Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan tujuan untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam Sukan SEA, adakah Kerajaan akan mengiktiraf atau recognise the formation Persatuan Amatur Lumba Basikal Malaysia yang baru ditubuhkan dan tidak mengiktiraf MMCF?

Cik Teng Gaik Kwan: Itu adalah terkeluar daripada soalan asal, saya minta notis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, satu sahaja lagi soalan tambahan.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sama ada Kementeriannya bercadang menganjurkan biasiswa-biasiswa sukan untuk pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajarannya ke universiti. Pelajar-pelajar yang saya maksudkan itu ialah pelajar-pelajar yang telah banyak menyumbang dalam bidang sukan.

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah cadangan yang baik, dan saya akan ambil perhatian.

KES DIFThERIA BAGI KANAK-KANAK

7. **Tuan Mohd Noor bin Bedah** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah kes "diphtheria" yang dikesan seluruh negara sekarang dan apakah usaha-usaha yang telah diambil untuk membanterasnya dari merebak di kalangan kanak-kanak dan murid-murid sekolah.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang. Berhormat, sehingga 18.3.1989 sejumlah 16 kea "diphtheria" telah disahkan di seluruh negara pada tahun ini berbanding dengan 115 kes dalam tahun 1977 dan 85 dalam tahun yang lalu (1988).

Memandangkan kejadian "diphtheria" sering berlaku di kalangan kanak-kanak kita yang tidak dapat immunisasi diphtheria, maka aktiviti-aktiviti immunisasi yang merupakan yang paling penting dan berkesan telah dipertingkatkan dalam usaha mencegah dan mengawal penyakit dari berlaku. Di samping itu lain-lain langkah kawalan juga dipergiatkan, umpamanya pemeriksaan "contacts", pemberian antibiotik dan juga pendidikan kesihatan supaya kejadian "diphtheria" dapat dikurangkan khususnya di kalangan kanak-kanak sekolah.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, apakah sebab-sebab yang mengakibatkan kes "diphtheria" dalam zaman moden ini?

Kedua, berapakah jumlah kes "diphtheria" yang mati pada tahun 1988?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kuman "diphtheria" memang berada di suasana kita di dalam Malaysia. Yang dapat mencegah terjadinya penyakit diphtheria adalah keadaan ketahanan (resistance) atau immunity badan kita sendiri. Dalam keadaan di mana ketahanan kita dapat diperkuatkan melalui suntikan immunisasi, memang dapat mencegah penyakit ini dari berlaku. Dalam semua kes yang kita telah kesan, semuanya tidak mempunyai suntikan immunisasi anti-diphtheria itu,

Mengenai kes kematian, saya tidak ada angka-angka di sini. Tetapi kes kematian melalui "diphtheria" adalah sangat kurang sekali kerana rawatan yang berkesan.

RAWATAN RADIOTHERAPY DI HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR

8. **Puan Aion binti Ariffin** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pesakit-pesakit yang menggunakan alat-alat Radiotherapy atau Mesin Rawatan Therapy "Linear Accelerator" di Hospital Besar, Kuala Lumpur sejak tahun 1987 hingga 1988;
- (b) adakah beliau sedar bahawa Mesin Rawatan tersebut ada yang telah uzur dan tidak dapat menampung keperluan pesakit-pesakit merbahaya dan unik yang kian bertambah dan jika ya apakah tindakan segera yang telah diambil bagi mengatasi masalah tersebut; dan
- (c) tidakkah ada rancangan Kementerian untuk memperbaiki tempat-tempat rawatan yang telah begitu uzur di Hospital Besar, seperti Bilik X-Ray, Klinik Jantung, Klinik Rawatan Radiotherapy, Wad Khas VIP dan Klinik Ultra Sound, sesuai dengan status Hospital Besar Ibu Negara Malaysia.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada tahun 1987 sebanyak 2,303 pesakit telah menjalani rawatan radiotherapy di Institut Radiotherapy, Onkologi dan Perubatan Nuklear di Hospital Besar Kuala Lumpur. Angka ini telah meningkat kepada 2,640 pesakit pada tahun 1988.
- (b) Mesin rawatan Linear Accelerator yang digunakan di Institut tersebut adalah baru, moden dan berkomputer. Semuanya telah dibeli di antara tahun 1979 hingga 1988. Dua buah lagi alat radiotherapy Linear Accelerator yang berharga \$1.6 juta sebuah telahpun dibeli baru-baru ini dan akan digunakan pada bulan Jun tahun ini.
- (c) Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Di Jabatan X-Ray beberapa alat X-Ray yang lama sedang diganti dengan alat-alat baru. Wad Khas VIP juga sedang diperbaiki. Kemudahan bagi rawatan Kardiovaskular akan diperbaiki dan diperkukuhkan. Kemudahan-kemudahan di Institut Radiotherapy, Onkologi dan Perubatan Nuklear akan juga diperbaiki dan diperluaskan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Kerja-kerja untuk mempertingkatkan Hospital Besar, Kuala Lumpur pada keseluruhannya sedang dijalankan oleh Juru Perunding yang telahpun dilantik.

LEBUHRAYA SEREMBAN-PORT DICKSON - PEMBINAAN

9. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah pembinaan Lebuhraya Seremban/Port Dickson dibatalkan. Jika benar, apakah sebab-sebabnya pembinaan itu dibatalkan.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak membatalkan projek pembinaan jalanraya dari Seremban ke Port Dickson. Walau bagaimanapun, buat masa ini Kerajaan tidak ada mempunyai peruntukan untuk melaksanakan projek tersebut di dalam Rancangan Malaysia Kelima ini. Kerajaan juga telah mencuba untuk menswastakan projek jalan itu pada tahun 1986 yang lalu, tetapi tawaran-tawaran yang diterima dari pihak swasta didapati kurang memuaskan dan tidak mematuhi kehendak-kehendak Kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan masih bersedia membuka peluang kepada pihak swasta yang berminat untuk menswastakan jalan teraebut.

Tuan V.K. Sellappan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya mempunyai sebarang cadangan untuk pembinaan jalanraya baru antara Nilai/Port Dickson di Negeri Sembilan.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, minta ulang soalan itu, tidak berapa jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu adalah soalan lain dari soalan asal, tidak payah dijawab.

NILAI RINGGIT MALAYSIA

10. **Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa nilai ringgit Malaysia semakin jatuh dan apakah usaha Kerajaan untuk memulihkan keadaan ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, nilai ringgit turun semenjak adanya Perjanjian Plaza pada tahun 1985. Di dalam Perjanjian ini negara-negara perindustrian telah bersetuju untuk membenarkan nilai dolar Amerika Syarikat diturunkan sebagai usaha untuk mengatasi masalah ekonomi yang timbul dari defisit perdagangan Amerika Syarikat yang besar serta lebihan akaun semasa imbalan pembayaran Jerman Barat dan Jepun yang besar. Usaha jajaran matawang utama, dengan izin, currency realignments, telah mengurangkan nilai dolar Amerika Syarikat dan menaikkan nilai yen Jepun dan deutschemark Jerman Barat dan lain-lain matawang utama. Selepas lebih kurang satu setengah tahun berlakunya jajaran matawang ini negara-negara perindustrian utama telah bersetuju dalam Persetujuan Louvre pada bulan Februari, 1987 untuk terus berusaha menstabilkan nilai matawang-matawang utama.

Tuan Yang di-Pertua, hasil kedua-dua perjanjian ini telah mempengaruhi pergerakan nilai matawang semua negara di dunia ini.

Di samping itu keadaan perkembangan ekonomi dunia yang kurang menggalakkan pada tahun 1985 telah membawa kepada kejatuhan harga barangan-barangan utama eksport kita yang mempengaruhi perkembangan ekonomi Malaysia yang mengalami pertumbuhan negatif satu peratus pada tahun 1985.

Oleh itu, kejatuhan nilai ringgit adalah mencerminkan keadaan ekonomi negara yang merosot akibat kejatuhan harga barangan utama di pasaran dunia di waktu itu dan pengaruh usaha-usaha jajaran matawang utama dunia yang diambil, terutamanya oleh Amerika Syarikat, Jepun dan Jerman Barat.

Nilai ringgit adalah diasaskan kepada nilai sekumpulan matawang rakan dagangan utama Malaysia. Naik atau turunnya nilai ringgit berbanding dengan sesuatu matawang adalah ditetapkan oleh faktor pasaran, di pasaran pertukaran matawang asing. Pada keseluruhannya turun dan naik nilai ringgit berbanding dengan nilai matawang tertentu sama ada dolar Singapura baik pun dolar Amerika, yen Jepun, deutschemark Jerman Barat, pound sterling dan lain-lain matawang adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor penawaran dan permintaan terhadap ringgit berbanding dengan matawang yang tertentu.

Pada asasnya nilai sesuatu matawang adalah bergantung kepada kedudukan ekonomi sesebuah negara seperti kadar pertumbuhan, imbangan pembayaran, inflasi dan lain-lain lagi. Oleh itu adalah menjadi kebiasaan bagi nilai-nilai matawang naik turun setiap masa mengikut perkembangan-perkembangan di pasaran pertukaran matawang antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk mengukuhkan nilai ringgit adalah berkaitan dengan usaha-usaha mengukuhkan ekonomi negara. Langkah-langkah ini sudah pun saya terangkan di sesi-sesi yang lalu dan juga diberi dalam Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan yang diedarkan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Hasil dari usaha-usaha Kerajaan serta perkembangan ekonomi dunia yang menggalakkan, ekonomi Malaysia telah kembali pulih. Pertumbuhan ekonomi negara telah meningkat lebih kurang 8 peratus iaitu melebihi

dari yang dijangkakan. Pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dijangka terus berkekalan dalam tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan sentiasa mengawasi tahap nilai ringgit. Pada masa sekarang nilai ringgit berada pada tahap yang memuaskan dan Kerajaan akan berusaha menentukan nilai ringgit yang stabil.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kita boleh buat kesimpulan bahawasanya kejatuhan nilai wang itu adalah satu perkara yang tidak baik untuk negara, tetapi kita kedengaran ada di antara pemimpin kita menyatakan bahawasanya dengan kejatuhan nilai ringgit itu menolong Malaysia dalatn banyak segi, terutamanya dari segi pelaburan, pelancongan dan lain-lain. Juga kita difahamkan turun-naik nilai wang itu bergantung kepada market forces, dan di satu saat juga kita mengatakan kita perlu kepada mengawal mempercahankan nilai wang itu supaya tidak jatuh terlalu rendah dan sebagainya. Apakah ini memberi makna bahawasa di satu saat dahulu sebelum daripada ini kita mempertahankan nilai wang itu dengan kos tertentu, sekarang ini kita mengambil satu dasar baru membiarkan nilai wang kita itu turun naik mengikut penawaran dan permintaan.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ini panjang sangat. Tetapi walau bagaimanapun, saya ingin di sini menjelaskan bahawa negara kita ini sejak kemerdekaan kita mengamalkan satu sistem ekonomi yang terbuka, dengan izin, open economy. Dan hingga beberapa tahun yang lalu nilai ringgit negara kita ini adalah dianggap sebagai suatu matawang yang stabil di dunia ini. Oleh kerana ekonomi kita bertumbuh dengan kadar yang besar

pada tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi berkata bahawa pada suatu waktu kita menahan bahawa nilai ringgit jangan jatuh lagi dan pada satu tahap kita kata kita mengizinkan faktor penawaran dan permintaan supaya menentukan nilai ringgit di dalam pasaran dunia ini. Di sini saya ingin menjelaskan bahawa, negara kita ini masih mengamalkan sistem ekonomi yang terbuka bahawa kita mengizinkan nilai ringgit Malaysia mencapai satu tahap yang balance, dengan izin, dengan matawang-matawang utama di dalatn dunia ini dengan mengizinkan penawaran dan permintaan sebagai satu faktor yang penting sekali. Tetapi apabila tahap nilai ringgit jatuh ke satu-satu tahap yang mana Kerajaan kita menganggapkan nilai itu sudah sampai ke satu tahap yang tidak memuaskan supaya, ada pelabur-pelabur, atau sebahagian besar, rakyat Malaysia telah tidak mempunyai keyakinan atas ringgit negara kita ini sendiri, Kerajaan akan mengambil langkah untuk menstabilkan dengan menahan bahawa tahap nilai itu jangan jatuh lagi oleh kerana mungkin ada kuasa—kuasa lain yang ingin main pasaran matawang ini dan itu mungkin menjejaskan ekonomi negara kita ini.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang pertama tidak dijawab, apakah kejatuhan nilai matawang kita itu membantu kita dalam menarik pelabur, pelancongan dan sebagainya.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, turun-naik nilai ringgit atau sesuatu matawang di dalam dunia ini akan membawa kebaikan dan keburukan. Kebaikan ialah apabila nilai matawang,itu turun tentulah keluaran industri-industri di dalam negara itu akan

dapat bersaing dengan keluaran negara lain yang mana nilai matawang itu lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu dalam tahap ini Kerajaan negara kita ini menggalakkan pelabur-pelabur asing datang ke negara kita ini untuk melabur dan menggunakan barangan-barangan utama negara kita ini.

Jadi jikalau nilai ringgit turun, ini akan menolong negara kita supaya keluaran dari negara kita ini dapat bersaing dengan negara lain. Tetapi dari segi sebahagian rakyat yang sentiasa membeli dan mengguna barang-barang yang diimport di mana kita haruslah membayar lebih banyak, akibatnya harganya akan naik. Dari segi itu kita boleh anggap bahawa ianya adalah sesuatu keburukan. Jadi, tiada kebaikan dan keburukan. Pada tahap ini nilai ringgit masih di dalam satu tahap yang memuaskan di mana pelabur-pelabur asing dapat melabur di dalam negara kita ini dengan keyakinan bahawa mereka dapat bersaing dengan industri-industri yang ada di negara lain di mana matawang lebih tinggi ailainya.

Tuan Yang di Pertua: Saya benar satu soalan sahaja lagi, sila Yang Berhormat.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan. Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, setakat manakah benar rungutan bahawa ada setengah-setengah rakyat kita yang kaya yang sudahpun menukar wang ringgit kita kepada wang asing berikutan daripada penurunan nilai wang kita. Jadi, perbuatan mereka ini adalah sebagai "menunggu" supaya wang kita tidak turun lagi sebagai safety?

Tuan Loke Tuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, tentulah di dalam sesuatu negara, kita mempunyai sebahagian rakyat yang bukan besar, tetapi sebilangan kecil yang boleh dianggap sebagai "opportunists". Mereka mengeksploitasikan keadaan ini untuk menukar matawang kita kepada matawang yang lain supaya mereka dapat keuntungan yang besar dan cepat. Jadi, di sini saya ingin menyatakan bahawa sebahagian rakyat ini yang berbuat demikian adalah rakyat yang tidak begitu taat kepada negara. Walau bagaimanapun, ini tidak menjejaskan ekonomi negara kita oleh kerana kumpulan ini adalah kumpulan kecil sahaja.

BAYARAN LESEN RADIO/TV

11. Tuan Foo Boon Liang minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) bilakah penguatkuasaan Lesen Radio di rumah dan Radio Kereta akan bermula;
- (b) lesen percuma yang dicadangkan oleh Menteri adalah satu langkah baik tetapi mengapakah Kerajaan masih membuat syarat pemilik Radio masih dikehendaki membuat permohonan percuma. bertarikh 5hb April, 1989.

21. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah wang yang dapat dikutip dalam satu tahun daripada bayaran Lesen TV yang dikenakan sekarang ini setelah dimansuhkan bayaran Lesen Radio seperti yang telah diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini; dan
- (b) adakah Kerajaan sedang menimbangkan supaya bayaran Lesen yang dikenakan ke atas TV itu juga akan dimansuhkan. Jika tidak ada cadangan sedemikian itu, apa pula sebabnya.

5.4.89

31. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Penerangan menyatakan berapa banyakkah Kementerian ini rugi dengan tidak melaksanakan kenaikan harga lesen TV sejumlah \$36/- setahun itu. Adakah Kementerian Penerangan menerima surat-surat terima kasih dari pemilik TV, di atas sikap timbangrasa Kerajaan kepada rakyat dengan tidak menaikkan harga lesen tersebut dan pengecualian lesen. radio kereta pula. Jika ada, berapa jumlah surat-surat terima kasih itu.

44. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Penerangan menyatakan berapa juta ringgitkah Kerajaan rugi akibat dari memansuhkan bayaran lesen radio, tinggal TV sahaja diberi bayaran, dan pada bulan berapakah yang lesen Radio ini tidak payah dibayar lagi.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Foo Boon Liang, izinkan saya menjawab sama sekali soalan lain yang sehubungan dengannya:

- (1) Yang Berhormat Senator Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya, dari Selangor, soalan No. 21 pada hari ini.
- (2) Yang Berhormat Senator Puan Rokiah binti Zainuddin, bertarikh 5hb April, 1989.
- (3) Yang Berhormat Senator Tuan Hasaan bin Nam, bertarikh 5hb April, 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon memaklumkan bahawa Kerajaan telah menimbang dengan teliti cadangan untuk menaikkan kadar bayaran lesen televisyen dan juga kadar bayaran lesen Radio dan telah memutuskan seperti berikut:

- (i) semua kadar bayaran bagi lesen Radio baik untuk kegunaan di rumah mahupun yang digunakan di dalam kenderaan adalah dihapuskan.
- (ii) kadar bayaran untuk TV baik hitam-putih mahupun warna dikekalkan pada \$24,00 setahun.
- (iii) lesen Radio baik di rumah ataupun di kenderaan akan dikeluarkan secara percuma.
- (iv) semua pemilik Radio dan TV hendaklah raemiliki lesen sesuai dengan kehendak Seksyen 14(1)(a) Akta Penyiaran, 1988.

Keputusan Kerajaan ini dibuat setelah menimbangkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) mengambilkira -pendapat dan pandangan-pandangan rakyat jelata mengenai cadangan ini;
- (ii) alat Radio dan TV adalah penting untuk rakyat dan negara;
- (iii) untuk menggalakkan lebih ramai rakyat memiliki alat-alat ini terutama Radio agar mereka akan terus mendapat maklumat, pendidikan dan hiburan yang berguna bagi meneruskan proses pembinaan negara yang lebih wajar dan berkesan;
- (iv) untuk tidak menyusah dan membebankan rakyat jelata terutama yang berpendapatan rendah;

- (v) untuk mempercepat proses penyusunan masyarakat yang bermaklumat dan peka terhadap masalah-masalah negara serta mengambil peranan yang cergas lagi positif bersama-sama dengan Kerajaan bagi menghadapi dan menyelesaikan masalah-masalah itu.

Keputusan Kerajaan ini akan mengurangkan hasil Kerajaan sebanyak kira-kira \$6 juta setahun. Sambil itu, secara perbandingan kadar lesen televisyen di Malaysia adalah yang termurah sekali iaitu lebih kurang seringgit lebih rendah daripada lesen televisyen di Sri Lanka dan Pakistan.

Saya memohon memaklumkan juga bahawa Kementerian sedang meneliti tarikh pelaksanaan keputusan Kerajaan ini. Maka, dengan ini masalah menaikkan kadar lesen televisyen ini tidak timbul sama sekali. Kerajaan juga sedang menimbang untuk menghapuskan sama sekali keperluan mengadakan lesen Radio di masa akan datang.

PENYALAHGUNAAN DADAH PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

12. **Tuan Azumu bin Tak** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pegawai-pegawai Kerajaan di dalam Bahagian I dan II terlibat di dalam penyalahgunaan dadah di dalam masa tiga tahun yang lalu.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tiga tahun yang lalu, sejumlah 29 orang pegawai-pegawai Kerajaan dalam kumpulan I dan II termasuk Polis dan Tentera terlibat dalam penggunaan dadah. Dari jumlah ini, 14 orang pegawai dikesan dalam tahun 1986, 10 orang pegawai dikesan dalam tahun 1987 dan 5 orang pegawai dikesan dalam tahun 1988. Pecahan-pecahannya adalah seperti berikut:

	Division I (orang)	Division II (orang)	Angkatan Tentera (orang)	Polis (orang)
1986	1	7	5	1
1987	-	5	5	-
1988	1	4	-	-

Jumlah pesalah dadah dalam Perkhidmatan Kerajaan mengikut jenis kesalahan dari tahun 1986 hingga 1988 adalah seperti berikut:

Jenis	Pegawai Awam (orang)	Angkatan Tentera (orang)	Polis (orang)
Penagih	18	9	1
Penagih/pemilik	-	1	-
Pemilik	2	-	-

Tuan Tan Chai Ho: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah kakitangan Kerajaan melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah di negara kita?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan bukan sahaja setakat mencegah kakitangan Kerajaan untuk mendekati dadah ataupun mengambil dadah ataupun menjadi pengedar dadah, malahan Kerajaan berusaha dengan memberi penjelasan bahawa kemudahan penggunaan najis dadah di seluruh negara untuk maklumat masyarakat sekalian betapa sukarnya ataupun susahnyanya bagi seorang penagih dengan mengadakan kawalan-kawalan tertentu dan kita juga telahpun menggubal undang-undang mengenakan hukuman mandatori mati bagi orang-orang yang mengedar dadah mengikut apa yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

PERUMAHAN - PENJUALAN RUMAH DENGAN CF

13. Tuan R. Sivalingam minta Menteri Perumahan dari Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan banyak projek-projek Perumahan swasta gagal atau terbiar mengakibatkan kebanyakan pembeli-pembeli hilang wang pertaruhan, bolehkah Kementerian meminda Akta Perumahan supaya hanya rumah-rumah siap dengan CF sahaja boleh dijual kepada pembeli.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana telah mengemukakan satu soalan, sekali gus merupai satu pandangan yang baik jua. Walau bagaimanapun, memang Kerajaan sendiri berhasrat sebagaimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat. Namun begitu oleh kerana Kerajaan terpaksa memberi perhatian sama kepada faktor-faktor yang lain. Sebab itulah apa yang dikehendaki di dalam cadangan Yang Berhormat itu masih belum dapat dilaksanakan kerana di samping Kerajaan untuk memberi perhatian kepada pihak pembeli-pembeli, Kerajaan juga untuk memperkembangkan dari segi industri perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut hemat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi tahun 1986 sahaja, kos membina rumah-rumah bagi dijual kepada pembeli-pembeli diseluruh tanahair yang telah disiapkan menelan belanja sebanyak di antara \$8 hingga \$10 billion, sedangkan rumah-rumah ini tidak dapat dijual kerana tidak dapat pembeli-pembeli yang berkehendakkannya. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat ini, pihak Kerajaan juga telah memberi perhatian dan membuat peraturan bagi pihak pemaju perumahan bagi nilai dan pelesenan dipinda dan akan dikuatkuasakan bermula pada 1hb April ini nanti.

Di antara pindaan yang telah dibuat ialah untuk memastikan supaya pemaju-pemaju dapat menyerahkan rumah yang dibeli kerana pihak pembeli lengkap dan siap dengan segala infrastruktur dan lengkap dengan "Certificate of Fitness" atau Sijil Kebenaran Menduduki. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan yakin bahawa dengan adanya pindaan ini akan dapat mengatasi masalah yang sedang dihadapi sekarang ini.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan menjelaskan selama ini berapakah jumlah projek perumahan swasta yang gagal yang telah dapat diselamatkan oleh Kementerian Perumahan dan berapa lagi projek yang sedemikian yang masih terbengkalai atau terbiar?

Datuk Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua oleh kerana pelaksanaans perumahan oleh pihak swasta sentiasa berlaku, maka bagi pihak Kementerian akan menumpukan kepada perumahan yang terbengkalai yang difikirkan lebih dahulu patut diselesaikan oleh pihak pengswastaaan yang lain. Setakat ini bagi pihak Kementerian tidak menyelesaikan rumah terbengkalai itu sendiri, tetapi pihak Kementerian hanyalah memilih jalan, memberi peluang kepada pihak swasta yang lain untuk menyelesaikan ruraah-rumah yang terbengkalai itu.

Rumah-rumah ini sering bertambah, Tuan Yang di-Pertua, kerana pembinaan perumahan oleh pihak swasta sering diadakan pada setiap tahun. Saya minta maaf kerana saya tidak dapat membentangkan angka statistik yang tepat, setakat ini berapa banyak rumah-rumah yang telah dapat disiapkan, tetapi oleh pihak Kerajaan tidak pernah disiapkan sendiri.

PEGAWAI PERUBATAN - PENGISIAN JAWATAN KOSONG

14. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** minta Menteri Kesihatan menyatakan, dari jumlah 406 jawatan baru yang diluluskan oleh Kerajaan tahun lalu adakah semuanya telah diisi, kalau sudah apakah jawatannya, kalau belum, bila hendak dipenuhi.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah 406 jawatan baru yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada tahun lepas ialah jawatan Pegawai Perubatan Tingkatan Biasa iaitu Grade A15 sahaja. Jawatan-jawatan baru ini adalah tambahan kepada jawatan Pegawai Perubatan Tingkatan Biasa yang sedia ada di Kementerian iaitu sebanyak 2,091 jawatan, menjadikan jumlah keseluruhan jawatan Pegawai Perubatan Tingkatan Biasa pada masa ini sebanyak 2,497 jawatan.

Sehingga 1hb Mac, 1989, seramai 2,266 Pegawai Perubatan Tingkatan Biasa telah mengisi jawatan tersebut dan kekosongan ialah 231. Kekosongan ini akan dipenuhi oleh graduan-graduan perubatan yang tamat pengajian mereka pada pertengahan tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 55 adalah]

USUL

**UCAPAN TAKZIAH ATAS KEMATIAN MENDIANG Y.B. DATO'
CHAN SIANG SUN, MENTERI KESIHATAN DAH KELUARGANYA****3.44 ptg.**

Timbalan Menteri Perumahan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian mendiang Yang Berhormat Tan Sri Dato' Chan Siang Sun, Menteri Kesihatan, pada 21hb Mac, 1989 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Berbahagia Puan Sri Chia Kwai Ying dan keluarganya. Rekod perjalan-perjalanan mesyuarat ini hendaklah disimpan di arkib Parlimen dan salinannya dihantar kepada keluarga mendiang Yang Berhormat Tan Sri Dato' Chan Siang Sun.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh rakyat Malaysia amat terkejut menerima berita kematian yang Berhormat Tan Sri Dato' Chan Siang Sun pada hari Selasa, 21hb Mac, 1989. Sesungguhnya kematiannya adalah suatu kehilangan besar kepada negara dan khususnya kepada rakyat Malaysia ini, terutama kepada golongan masyarakat Tionghua.

Mendiang Tan Sri Dato' Chan Siang Sun telah banyak memberikan sumbangan tenaga dan buah fikiran di dalam pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mendiang adalah seorang ahli politik sederhana. Mendiang adalah seorang ahli politik dan pemimpin yang tidak suka kepada keadaan kontroversi. Oleh yang demikian, sikap mendiang lebih menumpu kepada kepentingan perpaduan ummah, bahkan dengan kata lain, mendiang tidak pernah mengutamakan kepentingan dan kemasyhuran diri sendiri.

Oleh yang demikian, mendiang diterima sebagai seorang pemimpin, bukan sahaja oleh parti mendiang daripada MCA, sehingga diberikan amanah untuk menjadi Naib Presiden Parti, tetapi juga oleh parti-parti rakan komponen di dalam Barisan Nasional. Bahkan mendiang juga telah diakui khidmatnya oleh pihak Pembangkang seperti yang telah dimaklumkan di dalam sidang Dewan Rakyat yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, mendiang adalah merupakan seorang anak watan yang sukar dicari ganti, seorang pemimpin politik yang boleh dijadikan suatu tauladan dan contoh kepada ahli-ahli politik di negara kita ini. Mendiang seorang anak watan daripada Bentong dan telah diamanahkan oleh rakyat Bentong selama 30 tahun untuk menjadi Wakil Rakyat mereka. Saya kira sukar untuk mencari seorang ahli politik seperti mendiang ini - untuk mencari seorang Ahli Yang Berhormat yang mewakili rakyat daripada kampungnya sendiri selama 30 tahun.

Mendiang ialah merupakan seorang ahli politik yang telah diberikan kepercayaan dan penghargaan oleh rakyat sekampungnya sejak daripada merdeka sehingga ke akhir hayatnya.

Tuan Yang di-Pertua, mendiang juga adalah seorang yang terkenal dari segi pentadbiran. Selain daripada memegang jawatan selaku Menteri Kesihatan, mendiang juga pernah menjadi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga pernah menjadi Timbalan Menteri

Penerangan dan Timbalan Menteri Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, berlandaskan kepada keupayaan mendiang inilah yang menyebabkan kehilangan mendiang amat terasa oleh negara ini dan oleh rakyat di negara ini.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan untuk merakamkan ucapan takziah di atas kehilangan Tan Sri Dato' mendiang ini dan rekod perjalan-perjalanan persidangan ini hendaklah disimpan di arkib Parlimen dan salinannya dihantar kepada balu mendiang serta keluarganya.

Saya pohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di—Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul ini saya bukakan untuk dibahas. Ada di antara Ahli-ahli yang hendak berucap? Dipersilakan Yang Berhormat Pandikar Amin.

4.39 ptg.

Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Begitulah kisah manusia. Kanak-kanak akan dewasa, yang muda menjadi tua, datang masanya pergilah kita. Itulah sebabnya kita diwajibkan semasa hidup perlu berbuat kebaikan terutama sekali dalam perkhidmatan kepada rakyat sepenuh masa kita habiskan,

Pemergian mendiang Tan Sri Dato' Chan Siang Sun adalah merupakan kerugian kepada kita sekalian. Kepimpinan mendiang tidak boleh dinafikan, sememangnya padan menjadi Menteri Kesihatan.

Rakyat Sabah juga berduka atas kehilangan pemimpin berwibawa, Bagi pihak Parti Bersatu Sabah, kami merakamkan ucapan takziah, Peribahasa ada berkata, manusia mati meninggalkan nama, memang benar dikatakan, jasa mendiang akan tercatat dalam sejarah Malayaia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah sedemikian rupa Usul disokong dengan dukacita semoga keluarga mendiang berhati tabah menghadapi cabaran yang menimpa. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya.

3.51 ptg.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Tahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk sama-sama menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Hussein bin Ahmad, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan saya berucap atau menyampaikan ucapan ini adalah mewakili UMNO. Kami juga bersama-sama merasakan perasaan dukacita atas kematian mendiang Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun, Menteri Kesihatan; yang kematian beliau secara mengejut pada 21hb Mac 1989 yang lalu.

Dato' Chan Siang Sun adalah merupakan seorang pemimpin yang sukar dicari ganti dalam tanahair kita ini. Beliau selama tujuh penggal sejak merdeka sampai ke akhir hayatnya sebagai Ahli Parlimen di kawasan yang sama. Tidak mudah mendapat seorang pemimpin yang dapat sokongan yang demikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Chan Siang Sun adalah seorang pemimpin yang cukup sederhana. Beliau dalam apa juga sama ada dalam ucapan dan tindakan-tindakan beliau tidak pernah menonjolkan sikap-sikap perkauman ataupun kelompok dan puak-puak tetapi beliau berkhidmat semata-mata demi untuk kepentingan negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Chan Siang Sun, mendiangnya, adalah merupakan satu contoh yang baik kepada pemimpin-pemimpin sekarang dan pemimpin-pemimpin akan datang. Jika sekiranya kita betul-betul untuk berkhidmat mendapat sokongan daripada semua rakyat lebih-lebih lagi dalam kisah mendiang Dato' Chan Siang Sun ini sebagaimana kita maklum dapat bertapak selama 30 tahun dalam kawasan yang sama, iaitu dalam kawasan Parlimen Bentong.

Bagi pihak UMNO saya ingin menyampaikan perasaan dukacita yang amat sangat atas kematian Yang Berhormat. Tan Sri Chan-Siang Sun dan kami juga ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi takziah kepada keluarganya dan supaya semua rekod perjalanan mesyuarat ini hendaklah disimpan di arkib Parlimen dan sampaikan kepada balu mendiang serta keluarganya. Kami menyokong Usul ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

3.54 ptg

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, mendiang Tan Sri Chan Siang Sun adalah seorang pemimpin yang bertanggungjawab, bersopan santun dan bertolak ansur.

Saya bagi pihak MIC merakamkan ucapan takziah kepada balu Puan Sri Datin Chan Siang Sun dan keluarga. Negara dan MCA khasnya telah

hilang seorang pemimpin yang tulin. Saya menyokong Usul takziah ini, Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.

3.55 ptg.

Tuan Tiong Hiew Kiug: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bagi pihak diri saya sendiri dan parti SUPP di Dewan ini menyokong Usul ucapan takziah kepada Yang Berbahagia Puan Sri Datin Chia Kwai Ying dan keluarganya di atas pemergian Yang Berhormat Tan Sri Chan Siang Sun.

Mendiang Tan Sri Dato Chan Siang Sun adalah seorang negarawan yang amat cemerlang, seorang anak watan Malaysia yang ulung. Kehilangannya merupakan satu kehilangan kepada keluarganya dan juga kerugian besar kepada negara. Mendiang Tan Sri Dato" Chan Siang Sun sebagai Ahli Dewan Rakyat sejak tahun 1959 menjalankan tugasnya dengan penuh tanggungjawab berkhidmat untuk kebajikan dan kepentingan masyarakat orang Tionghua dan rakyat Malaysia berbagai kaum pada amnya. Beliau sentiasa bertimbang rasa, berpandangan jauh dan melihat satu masalah dengan harapan baik. Selama berjawatan Timbalan Menteri atau Menteri, beliau sentiasa bersedia mengenyepikan kepentingan diri dan berusaha dengan sepenuh hati demi kepentingan rakyat berbagai kaum dan negara. Kesetiaan, kebajikan dan kejujuran beliau kepada perkhidmatan untuk rakyat dan negara patutlah menjadi satu teladan bagi kita semua. Jasa-jasa beliau tidak akan dilupakan.

Maka di sini saya sekali lagi mengucapkan takziah kepada "Yang Berbahagia Puan Sri Datin Chai Kwai Ying dan keluarganya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng.

3.58 ptg.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, saya turut berdiri untuk menyokong Usul supaya Dewan yang mulia ini merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang Tan 'Sri Dato' Chan Siang Sun. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang sudah banyak ceritakan sumbangan mendiang Tan Sri Dato' Chan Siang Sun yang merupakan seorang tokoh politik daripada parti MCA di bawah Barisan Nasional.

Mendiang Tan Sri- Dato' Chan Siang Sun memang adalah seorang tokoh politik, yang sudah menunjukkan caranya supaya kita boleh menyumbang kepada, kestabilan politik negara ini. Selama 30 tahun mendiang Tan Sri Dato' Chan Siang Sun sudahpun berkhidmat dengan tidak berhenti-henti di kawasannya Bentong iaitu kampung halaman-nya. Sudah selama lebih daripada 30 tahun beliau berkhidmat kepada parti MCA, kepada Barisan Nasional dan kepada masyarakat, rakyat jelata negara ini dengan sumbangan yang tidak dapat kita sebutkan semua di sini. Kata pepatah Melayu, 'hutang emas' boleh dibayar, hutang budi dibawa mati". Itulah yang kita perlu ingatkan sumbangan yang seberapa banyak yang sudah dibuat oleh mendiang" Tan Sri Dato" Chan Siang Sun.

Mendiang Tan Sri Dato' Chan Siang Sun sudah menunjukkan cara tolak ansur yang perlu diamalkan oleh pemimpin-pemimpin ahli politik di negara ini sama ada daripada parti UMNO, MCA, MIC ataupun parti-parti komponen yang lain di dalam Barisan Nasional.

Mendiang sudah pun menunjukkan cara yang betulnya untuk kita semua berunding untuk mendapatkan satu cara memajukan negara kita dengan cara yang stabil. Mendiang sudah pun memegang banyak jawatan yang bertanggungjawab sama ada dalam parti MCA ataupun dalam Kerajaan Malaysia dan pada pendapat kita semua di sini, saya berasa semua rakan-rakan saya bersetuju, di dalam sebarang jawatan pun, mendiang Tan Sri Dato' Chan Siang Sun telahpun berkhidmat dengan cemerlang dan saya rasa kita susah mencari seorang ahli politik yang boleh menggantikan tempat Tan Sri Dato' Chan.

Pemergian mendiang adalah satu kehilangan yang besar kepada parti MCA, Barisan Nasional dan juga Kerajaan Malaysia. Saya berharap ahli-ahli politik yang muda boleh menganggap mendiang Tan Sri Dato' Chan Siang Sun sebagai seorang guru politik yang handal yang bertolak ansur, yang bersopan santun dan seorang yang banyak ber-sumbang.

Dengan kata-kata itu, saya ingin sekali lagi menyokong Usul merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang Tan Sri Dato' Chan Siang Sun. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Douglas Sullang Anak Ganda.

4.02 ptg.

Tuan Douglas Sullang Anak Ganda: Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri di sini menyokong dengan dukacitanya usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Hussein bin Ahmad, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebentar tadi.

Saya bagi pihak saya sendiri dan bagi pihak parti Pesaka Bumiputera Bersatu di Sarawak juga menyampaikan takziah kepada balu kepada Tan Sri Dato' Chan Siang Sun yang telah meninggal dunia pada 21hb Mac

yang lalu. Kami di Sarawak juga merasa kehilangan satu tokoh politik yang telah berkhidmat dengan cemerlang dan kerugian dan kematian Tan Sri Dato' Chan Siang Sun juga kerugian kami di Sarawak dan dengan cakapan ini, saya sekali lagi menyampaikan takziah yang setingginya kepada balu Tan Sri Dato' Chan Siang Sun. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Lim Heng Tee.

4.04 ptg.

Tuan Lim Heng Tee: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak saya sendiri dan juga bagi pihak parti saya iaitu parti GERAKAN, saya ingin menyampaikan perasaan sedih yang amat sangat atas kematian mendiang Tan Sri Dato' Chan Siang Sun.

Mendiang Tan Sri Dato' Chan Siang Sun merupakan seorang pemimpin politik yang bijak, jujur dan sederhana. Mendiang Tan Sri Dato' Chan telah berkhidmat untuk rakyat dan negara kita tidak kurang daripada 33 tahun sampai ke akhir hayatnya. Kematian mendiang Tan Sri Dato' Chan adalah satu kehilangan dan kerugian yang besar kepada rakyat dan negara kita. Oleh yang demikian, patutlah kita semua mengucapkan banyak terima kasih kepada mendiang Tan Sri Dato' Chan serta menyampaikan ucapan takziah kepada Puan Sri Chan dan juga keluarganya. Dengan ini, saya ingin menyokong bersama-sama rakan-rakan saya yang lain usul yang telah dibentangkan ini. Terima kasih.

4.05 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya kemukakan usul ini untuk diputuskan, saya ingin mengambil kesempatan ini menyatakan iaitu dengan penuh perasaan dukacita saya turut melafkan takziah dan perasaan kehilangan yang amat sangat atas kematian yang mengejut yang menimpa rakan saya, mendiang Tan Sri Dato' Chan Siang Sun, Menteri Kesihatan.

Setakat yang saya ketahui, mendiang Tan Sri itu adalah seorang yang berhemah tinggi, peramah serta rendah diri dan senantiasa sabar dalam mengendalikan urusan-urusan menjawab pertanyaan atau apabila mengambil bahagian di dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini.

Dengan kematiannya itu, negara dan rakyat Malaysia telah kehilangan seorang pemimpin yang serba sederhana di dalam kehidupannya tetapi tetap setia pada tugasnya. Saya berharap ahli keluarga mendiang Tan Sri Dato' Chan Siang Sun senantiasa bersabar di dalam menghadapi keadaan yang sedih ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian mendiang Yang Berhormat Tan Sri Dato' Chan Siang Sun, Menteri Kesihatan, pada 21hb Mac 1989 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya. Rekod perjalanan-perjalanan mesyuarat ini hendaklah disimpan di arkib Parlimen dan salinannya dihantar kepada keluarga mendiang Yang Berhormat Tan Sri Dato' Chan Siang Sun.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian mendiang Yang Berhormat Tan Sri Dato' Chan Siang Sun, Menteri Kesihatan, pada 21hb Mac 1989 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya. Rekod perjalanan-perjalanan mesyuarat ini hendaklah disimpan di arkib Parlimen dan salinannya dihantar kepada keluarga mendiang Yang Berhormat Tan Sri Dato' Chan Siang Sun.

Tuan Yang diPertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya meminta semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian berdiri sama dengan saya bertafakkur selama 1 minit sebagai mengenangkan jasa-jasa mendiang Yang Berhormat Tan Sri Dato' Chan Siang Sun.

[Majlis bertafakkur selama satu minit]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, sila duduk.

USUL

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji

Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Menteri

Dalam Negeri mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju, ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Lt. Kol.(B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang di Pertua, saya
mohon menyokong-:

Tuan Yaug di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Timbalan Menteri Dalam Negeri yang berbunyi :

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu, disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

JAWATANKUASA PEMILIH LANTIKAN AHLI-AHLI

Datuk Haji Hussein bin Ahmd: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah menjadi Ahli-ahli -Jawatankuasa Pemi-lih bagi tempoh Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh:

1. Yang Berhormat Datuk Haji Hussein bin Ahmad;
2. Yang Berhormat Dato' Mak Hon Kam;
3. Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria;
4. Yang Berhormat Puan Valli Muthusamy.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang berbunyi:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh:

1. Yang Berhormat Datuk Haji Hussein bin Ahmad;
2. Yang Berhormat Dato' Mak Hon Kam;
- 3., Yang Berhormat Puan. Mazidah binti Haji Zakaria;
4. Yang Berhormat Puan Valli Muthusamy.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh:

1. Yang Berhormat Datuk Haji Hussein bin Ahmad;
2. Yang Berhormat Dato' Mak Hon Kam;
3. Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria;
4. Yang Berhormat Puan Valli Muthusamy.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA **D.Y.M.M. SERI PADUKA**
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**4.15 ptg.**

Tuan Pandikar Amin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh".

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Kebawah Duli berkisar di ruang lingkup pemikiran yang mencakupi semua perkara-perkara yang akan diberi perhatian serius oleh Kerajaan; bertolak dari soal kemudahan asas dan bertitik di atas soal perhubungan antarabangsa. Dan di dalam menyampaikan hujah, saya tidak bercadang untuk menyentuh semua soal-soal yang telah dititahkan oleh Baginda kerana saya yakin bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain akan menyentuh perkara-perkara yang saya tidak sempat untuk menyentuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menumpukan hujah saya kepada dua perkara iaitu perkara perpaduan dan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah mengingatkan kita untuk mengeratkan kerjasama dan perpaduan di antara satu sama lain. Titah seruan ini memang tepat pada masanya. Di mana kita tidak boleh mempertikaikan ataupun berdolak-dalik lagi yang suasana politik, ekonomi dan sosial negara ini sangat-sangat memerlukan perhatian yang amat mendesak.

Tuan Yang di-Pertua, adalah satu fakta yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapaupun bahawa tercapainya kemerdekaan tanpa mengorbankan setitis darah, kestabilan politik negara sejak merdeka dan kekukuhan ekonomi dari tahun ke tahun adalah kerana adanya perpaduan dan kerjasama di antara rakyat sesama rakyat, pemimpin dengan rakyat dan pemimpin sesama pemimpin. Apa yang menyedihkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah walaupun menyedari sifir atau formula ini, ada di antara kita yang sengaja mengabaikannya. Ada di antara kita yang sengaja mewujudkan suasana yang bercanggah, yang asyik berusaha untuk mencari sifir atau formula baru, yang kononnya kalau digunakan, negara akan bertambah makmur.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 70an sewaktu berumur belasan tahun, Malaysia sungguh tenang dan tidak bergelora tetapi dalam tahun 80an, terutama sekali sejak akhir-akhir ini, setelah menjangkau usia dewasa, Malaysia berubah imej dan sifat. Kalau kita umpamakan Malaysia sebagai seorang manusia sepatutnya sewaktu berusia belasan tahun, tanda-tanda kekurangan matangan timbul dan bukannya pada usianya yang telah dewasa. Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kalau dalam tahun 70an pemimpin-pemimpin Pembangkang bersikap membina terhadap rancangan-rancangan dan dasar-dasar Kerajaan seperti Allahyarham Ahmad Boestamam dan Dr. Tan Sri Tan Chee Khoo sehingga diberi pengiktirafan dengan kurniaan pingat

kebesaran Dato' dan Tan Sri di atas sumbangan mereka kepada negara. Tetapi kini sifat dan perwatakan pemimpin-pemimpin Pembangkang jauh lebih berbeda dari mereka yang terdahulu. Di mana demi untuk kepentingan politik masing-masing, mereka tidak silu-silu mengeksploitasikan isu-isu sensitif seperti perkauman walaupun menyendiri akibatnya yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan bertambah membingungkan lagi apabila pemimpin-pemimpin negara yang pada mulanya akrab menjadi renggang. Apabila parti-parti komponen Barisan Nasional yang saling percaya-mempercayai telah mulai syak-mensyaki dan apabila ahli-ahli parti-parti politik yang asalnya seperjuangan telah berpuak-puak dan ada yang meninggalkan parti. Apa yang terjadi ialah seolah-olah dalam dekad ini negara telah dilanda penyakit syndrome bergisir pendapat. Kenapa syndrome ini harus berlaku? Adakah pemimpin-pemimpin negara di masa kini kurang matang jika dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin di masa lampau, atau adakah benar dakwaan bahawa Kerajaan sekarang ini tidak seliberal seperti Kerajaan dahulu, atau adakah ini gejala ataupun system sesebuah negara yang sedang pesat membangun?

Atau apakah rakyat Malaysia di masa kini susah dipimpin jika dibandingkan dengan rakyat tahun 70an?

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya, pemimpin-pemimpin negara dewasa ini adalah setanding dengan pemimpin-pemimpin negara luar dalam semua aspek. Kalau dahulu kita berperanan sebagai penonton dalam pergolakan politik antarabangsa, kini atas kepintaran dan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin negara, Malaysia bukan lagi menjadi penonton tetapi pemain yang aktif dan disegani. Contohnya Malaysia baru-baru ini telah memenangi kerusi di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia. telah diberi penghormatan untuk mempengerusikan Persidangan Antarabangsa bersabit dengan Penyalahgunaan Dadah, Malaysia telah dijemput untuk menghantar tentera menyertai Pasukan Pemerhati Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Iran/Iraq; Malaysia telah dipilih sebagai salah, sebuah negara, yang menyertai Kontijen Pendamai di Namibia dan Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada persediaan untuk Persidangan Antarabangsa mengenai dengan orang-orang pelarian Indo China.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan pengiktirafan seumpama ini, bolehkah kita sifatkan pemimpin-pemimpin negara dewasa ini sebagai pemimpin-pemimpin yang kurang matang? Untuk menjawab kepada dakwaan bahawa Kerajaan kini tidak seliberal Kerajaan dahulu, izinkan saya memperdengarkan di Dewan yang mulia ini satu pendapat yang saya terbaca dari salah satu majalah bulanan yang berbunyi, dengan izin:

"Media control has been most blatant since October, 1987.

It is plain to some extent why important segments of the media have become incredibly biased towards the Mahathir leadership

in their reporting of the UMNO crisis. Indeed, there are biases in English newspapers which deliberately distort the views of Mahathir's political adversaries, demigrate them and defile their reputation."

Tuan Yang di-Pertua, kalau benar Kerajaan tidak seliberal Kerajaan dahulu, kenapa Kerajaan yang sama membiarkan pendapat ini dari terbaca oleh orang ramai. Kenapa Kementerian yang berwajib tidak mengharamkan majalah ini? Yang jelas daripada bukti ini ialah Kerajaan yang dipimpin oleh Dato' Seri Dr. Mahathir adalah Kerajaan liberal tetapi sayangnya ada pihak-pihak di kalangan kita yang bersifat beri betis hendak peha, dan beri peha pijak kepala, sengaja menyalahgunakan kebebasannya dengan mencorakkan pendapat-pendapat mereka dengan tuduhan-tuduhan yang liar.

Tuan Yang di-Pertua, demi untuk menjaga keharmonian negara, salahkah jika Kerajaan bertindak menyekat kegiatan mereka itu? Saya akan menyelar dengan sekeras-kerasnya sesiapa sahaja yang mengajukan pendapat bahawa sindrom bergesel pendapat di antara kita sesaran kita dewasa ini adalah gejala atau symptom sesebuah negara yang sedang pesat membangun kerana lojiknya ialah kejayaan negara hingga kini seharusnya menjadi pendorong untuk kita bekerjasama dan bukan bergesel kerana masing-masing telah berperanan dalam proses menuju ke arah kejayaan itu.

Begitu juga halnya dengan pendapat yang kononnya rakyat Malaysia kini susah dipimpin daripada rakyat Malaysia dalam tahun 70an. Saya berani menyelar si berpendapat kerana lazimnya si ekor sentiasa menuruti arah tujuan si kepala, sekiranya si kepala berjalan simpang siur, maka sudah tentu si ekor juga berbuat

demikian. Setiap pemimpin mempunyai penyokong-penyokong setia. Ke mana sahaja si pemimpin itu tuju di situlah arahnya yang dipimpin.

Tuan Yang di-Pertua, seandainya jawapan-jawapan kepada empat persoalan ini diakui, kesimpulan apa yang harus kita perjelaskan kepada mereka yang ingin mengetahui kedudukan perkara yang sebenar. Saya berpendapat:

- (1) Pemimpin-pemimpin negara dewasa ini bukan sahaja matang tetapi bertambah candi (sophisticated) pemikiran mereka..
- (2) Kerajaan terlalu bersifat lebih terbuka dan liberal;
- (3) Sesuai dengan keadaan semasa pemikiran dan pengetahuan rakyat mengenai dengan soal-soal ekonomi, sosial dan politik telah bertambah.

Tetapi apa yang menyedihkan ialah kesabaran, semangat kerjasama, tolak ansur dan toleransi tidak meningkat selaras dengan tiga perkembangan yang saya sebutkan sebentar tadi. Inilah sebabnya sindrom bergesel pendapat ini merebak dan menjadi-jadi dewasa ini. Kalau kesabaran, semangat kerjasama, tolak ansur dan toleransi dapat kita pertingkatkan, kejayaan kita setakat ini akan berlipat ganda, insaya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meninggalkan soal perpaduan dan beralih kepada soal ekonomi. Dalam Dunia Ketiga, Malaysia tersenarai sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun. Dalam usianya yang belum menjangkau 30an, dunia telah mengenali Malaysia dengan hasil-hasil pengeluaran dari sektor pertanian dan perlombongan. Umpamanya, dari 4.8 juta ton metrik getah asli yang didapati di pasaran dunia Malaysia menyumbangkan 33.3% kepada jumlah itu dan dijangka mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar utama

getah asli dunia selama beberapa tahun yang akan datang.

Dari sebuah negara yang tidak penting di akhir tahun 70an, Malaysia berjaya muncul sebagai negara pengeluar koko yang ketiga terbesar di dunia selepas Ivory Coast dan Brazil. Pada tahun 1987 sumbangan Malaysia kepada jumlah pengeluaran koko dunia ialah 8.4% dan kedudukan ini telah meningkat kepada 12% pada tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mengalami kemelesetan ekonomi dari tahun 1983 sehingga tahun 1986, kini ekonomi negara telah mulai pulih. Ini dikeranakan oleh barangan eksport kita seperti getah, bijih timah dan minyak meningkat harganya di pasaran duuia. Di samping itu eksport barangan perkilangan telah bertambah disebabkan oleh permintaan luar negeri yang kukuh. Kedudukan persaingan eksport Malaysia yang bertambah baik adalah disebabkan oleh nilai ringgit yang lebih rendah dan tahap produktiviti yang semakin meningkat. Peningkatan ini amat ketara di mana dalam tempoh 7 bulan pertama dalam tahun 1987 kenaikan tercatat sebanyak 33.2% dan dalam tempoh yang sama dalam tahun 1988 telah meningkat ke paras 34.4X menjadikan \$14,511 juta.

Tuan Yang diPertua, yang memantapkan lagi prestasi ekonomi negara dewasa ini ialah tindakan-tindakan Kerajaan pada tahun 1985 dan 1986 yang telah menggalakkan pelabur asing dengan mengimplimentasikan dasar-dasar yang melonggarkan syarat-syarat penyertaan pelabur asing dan berbagai-bagai lagi insentif lain yang menarik.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia telah terkenal dengan hasil-hasil sektor pertanian dan perlombongan di mata dunia seperti yang saya sebutkan sebentar tadi. Maka dengan itu tidak hairanlah

sekiranya pentadbir-pentadbir negara mengalihkan tumpuan mereka ke sumber-sumber lain seperti sektor perkilangan. Sektor perkilangan merupakan sektor yang berkembang paling tinggi dan ia dijangka pertumbuhan nilai ditambah sebanyak 15.5%. Kadar ini merupakan kenaikan yang paling tinggi yang dicatat oleh perkilangan semenjak dari tahun 1976.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan sektor perkilangan yang amat ketara ini ialah kesan dasar-dasar Kerajaan yang telah diperkenalkan dan diberi penekanan dewasa ini, seperti Dasar Pandang ke Timur, Dasar Penswastaaan, Dasar Pelan Induk Perindustrian, Dasar Industri Berat dan dasar-dasar lain. Dasar-dasar ini merupakan dasar yang dianggap sesuai dengan cita-cita Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara industri baru.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Soalnya kenapa Kerajaan di masa kini beria-ia sangat untuk menjadi sebuah negara industri baru. Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah supaya pertumbuhan ekonomi akan menjadi stabil kerana harga barangan komoditi seperti getah dan minyak kelapa sawit banyak bergantung kepada permintaan luar negeri dan bila wujud keadaan seperti di mana Amerika Syarikat menjual stoknya atau persaingan daripada getah tiruan dan kacang soya, harga komoditi kita akan terjejas. Oleh kerana negara kita ingin mencapai pertumbuhan ekonomi yang cepat dan stabil maka pergantungan kepada barangan komoditi tidak boleh diteruskan lagi. Sektor pembuatan dan perkhidmatan perlu diutamakan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai tahap untuk bergelar negara industri baru banyak syarat-syarat yang harus dipenuhi terlebih dahulu:

- (1) Pendapatan perkapita negara perlu mencapai AS\$1,100.
- (2) Sumbangan sektor pembuatan pula perlu melebihi 20% KDNK negara.
- (3) Tabung negara mesti kukuh.
- (4) Teknologi negara mesti maju dan moden.
- (5) Jumlah kuasa pembeli negara mesti besar.

Soalnya sekarang, Tuan Yang di-Pertua, adakah kita mampu untuk menjadi sebuah negara industri baru?

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang berpenduduk kecil, maka itu permintaan dalam negeri cuma setinggi bilangan penduduknya sedangkan syarat untuk menjamin pertumbuhan

ekonomi yang berterusan ialah memerlukan kepada permintaan dalam negeri yang tinggi. Para ekonomi meramalkan bahawa pada tahun 2000 pendapatan kita perkapita akan melebihi AS\$31,000 tetapi angka ini masih kecil dibandingkan untuk negara yang ketika itu diramalkan berpenduduk seramai 22 juta orang. Kepada negeri yang mempunyai jumlah penduduk yang kecil ia memerlukan pendapatan perkapita yang lebih tinggi untuk memastikan paras permintaan dalam negeri yang tinggi. Dengan jumlah penduduk 22 juta orang negara Malaysia memerlukan pendapatan perkapita sebanyak AS\$5,000 untuk menjadi negara industri baru. Ini bermakna negara perlu mencapai KNK sebanyak AS\$110 billion.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rangka untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang berterusan tinggi ia bukan sahaja memerlukan pertumbuhan struktur pengeluaran negara tetapi perlu juga dapat menyesuaikan permintaan dalam negeri dan perdagangan antarabangsa. Maka untuk mencapai taraf negara industri baru dalam masa yang singkat amat sukar bagi Malaysia seandainya pendapatan perkapita negara mencapai tahap yang ditetapkan. Hongkong dan Singapura mampu mencapai taraf negara industri baru walaupun penduduknya kecil kerana pendapatan perkapita penduduknya tinggi. Bermakna Malaysia boleh mencapai taraf itu tetapi dalam tempoh yang agak lambat, mungkin selepas Singapura, Hongkong atau Taiwan telah bergelar sebagai negara maju.

Sekarang Kerajaan perlu membangun "domestic economy" ataupun ekonomi tempatan supaya lebih matang dan lebih kuat bagi membina kuasa beli yang lebih kukuh. Kepentingan struktur pengeluaran ekonomi negara pun memerlukan perubahan. Sektor primary yang menyumbang 32.5% pada tahun 1986 kepada KDNK perlu berubah kepada

kepentingan sektor pembuatan. Eksport barangan pembuatan jika hendak dikembangkan dalam masa yang singkat tidak boleh lagi dihadkan kepada textile, kepada computer chip dan, dengan izin, simple electrical appliances, tetapi kepada pengeluaran yang lebih bermutu yang mampu menyaingi pengeluaran negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita ghairah menggalakkan perindustrian pesat, Kerajaan harus ambil perhatian yang serius kepada koporat gergasi yang melabur di negara ini. Ini kita tidak seharusnya bergantung kepada koporat-koporat ini kerana mereka datang melokasikan kilang-kilang mereka dan menyalurkan modal tetapi tidak mencurahkan ilmu teknikal kepada orang-orang kita. Ini amat merugikan. Justeru itu adalah waras seandainya kita memikirkan untuk meningkatkan kemampuan teknologi, kita perlulah memantapkan pengetahuan anak-anak watan kita dengan teknologi tinggi sesuai dengan matlamat untuk menyediakan mereka untuk membantu negara mencapai taraf negara industri baru. Jadinya Kerajaan dalam mengadakan pelbagai dasar ekonomi negara perlu meletakkan matlamat tidak hanya mahu menggalakkan pengaliran modal masuk tetapi juga pengaliran pengetahuan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyokong usaha Kerajaan ke arah ini pihak rakyat perlu sama-sama berusaha lebih kerap dan tidak hanya berpeluk tubuh kerana taraf negara industri baru itu bukan boleh dicapai dalam masa yang singkat. Sekarang yang perlu ialah kita kuatkan usaha, tingkatkan produktiviti dan kukuhkan tabung negara, insya Allah impian menjadi negara industri baru akan tercapai juga.

Tuan Yang di-Pertua, kerana komited kepada dasar ekonominya yang adil dan saksama Kerajaan menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara yang mempunyai ahli-ahli dari semua lapisan masyarakat

termasuk wakil-wakil dari parti-parti Pembangkang tetapi niat ikhlas ini tidak mendapat sambutan yang setimpal dari parti-parti Pembangkang di mana wakil-wakilnya memulaukan majlis ini. Tindakan seumpama ini merupakan tindakan yang tidak bertanggungjawab terhadap kewajipan kepada negara. Walau bagaimanapun, tanpa penyertaan mereka ini majlis ini pasti akan dapat mengemukakan perakuan-perakuan bermutu yang boleh diterima oleh semua lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, jaminan Kerajaan untuk terus memberi perhatian serius kepada pembangunan ekonomi, pendidikan, bahasa dan sebagainya harus disokong dengan perasaan, yang tidak berbelah bahagi untuk memastikan kejayaannya dan dalam pada itu di dalam menyelenggarakan matlamat-matlamat ini Kerajaan juga harus peka dan sensitif kepada keadaan sekeliling, umpamanya di dalam mengimplementasikan dasar penswastaaan, Kerajaan harus mengambil kira faktor-faktor lain sebelum membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam rancangannya untuk menswastakan agensi-agensi Kerajaan, Sabah Gas Industri (SGI) termasuk dalam senarai penswastaaan. Dalam hal ini saya ingin mengajukan pendapat untuk dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang berwajib.

Pertama, Kerajaan Persekutuan harus berunding hati ke hati dan secara terperinci dengan Kerajaan Negeri.

Kedua, setelah berunding kedua-dua pihak harus membuat penyelidikan kepada kemungkinan peluang-peluang industri lain yang berhubung kait rapat dengan Sabah Gas Industri.

Tuan Yang di-Pertua, memang pada dasarnya Kerajaan-kerajaan Negeri enggan untuk menswastakan agensi-agensi Kerajaan di bawah bidang kuasa mereka kerana tidak ada insentif atau dorongan untuk

berbuat demikian kerana selain dari harga belian pelaburan mereka tidak ada keuntungan lain yang diperolehi kerana cukai koporat tidak terkumpul di dalam negeri. Maka itu selain dari memberikan sebab-sebab yang biasanya kita dengan mengenai dengan kebaikan penswastaaan, Kerajaan Negeri harus diberi sebab-sebab lain sebagai insentif memersetujui penswastaaan.

Bersabit dengan Sabah Gas Industri, Sabah Gas Industri mempunyai komitmen kewangan berjumlah \$2,500 juta dan Kerajaan Negeri Sabah setakat ini telah melabur sebanyak \$700 juta. Baru-baru ini Sabah Gas Industri mengumumkan bahawa dalam tahun ini ia dijangka akan mendapat keuntungan sebanyak 550 juta. Projek yang berpotensi ini sudah tentu mendapat tempat di hati Kerajaan Negeri dan oleh kerana penswastaaan "per say", dengan izin, tidak akan mendatangkan keuntungan yang 'direct' kepada Kerajaan Negeri, maka seperti yang saya katakan tadi Kerajaan Negeri perlu diberi insentif lain untuk bersetuju kepada penswastaaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya rujukkan perhatian mereka yang berwajib ialah kepada langkah atau inisiatif Sabah Gas Industri yang menggunakan gas dari telaga minyak sebagai sumber tenaga memproses hasilnya. Gas yang digunakan ini biasanya dibuang secara pembakaran tetapi Sabah Gas Industri memanfaatkan sumber ini dan dengan berbuat demikian Sabah Gas Industri mengurangkan pembaziran tenaga.

Inisiatif serupa ini harus mendapat galakan daripada Kerajaan dan bukan sahaja itu, Kerajaan harus memberi bantuan khas kepada projek ini supaya ianya dapat berkembang dan mengakibatkan hasil eksport yang banyak serta pengembalian pelaburan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kerajaan bertindak sedemikian, ini bermakna Kerajaan menggalakkan Pengguna Gas Bersekutu atau Associated Gas, dengan izin, yang biasanya dibakar di telaga-telaga minyak kita. Dengan menggunakan gas ini Kerajaan akan mengelakkan pembaziran salah satu sumber alam yang mana telah dibuktikan oleh Sabah Gas Industries boleh digunakan untuk faedah negara iaitu penjimatan wang yang berjuta-juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa Sabah Gas Industri kini telah berjaya memperolehi teknologi yang moden dan sofistikated dalam industri petro kimia dan besi-waja dan kita harus berbangga dengan pencapaian ini. Besi Brigade Panas Sabah ataupun dengan izin, Sabah Hot Brigated Iron, adalah satu-satunya besi yang bermutu tinggi dan sangat laris di pasaran dunia dewasa ini. Pencapaian ini adalah secukup dengan aspirasi Kerajaan untuk menjadikan negara sebagai negara industri baru seperti projek PROTON SAGA, kita telah membeli teknologi yang terbaharu dan kini berupaya pula untuk memasarkan kepakaran kita itu di pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, atas sebab-sebab yang saya sebut sebentar tadi, saya dengan penuh rendah diri dan besar hati mencadangkan supaya SGI ataupun Sabah Gas Industries dikekalkan kedudukannya dan sebaliknya kita harus berikhtiar untuk menarik pelabur-pelabur

hiliran dengan menggunakan metanol dan HBI sebagai bahan mentah. Tindakan sebegini adalah lebih penting dan bermanfaat kepada ekonomi negara daripada, dengan izin, privatising SGI for the sake of privatisation.

Kini di negara-negara yang telah membangun, metanol menjadi pilihan sebagai bahan mentah. Kita boleh mengambil kesempatan ini untuk menggalakkan pelaburan hiliran dan memandangkan kepada masa depan yang cerah kita harus pertingkatkan keupayaan Sabah Gas Industries. Saya merayu kepada pihak-pihak yang berwajib untuk mengkaji peluang-peluang ini supaya kita dapat menarik pelaburan-pelaburan baru dan bukannya menggantikan pelabur-pelabur yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, di samping berhasrat untuk mengaut keuntungan yang banyak dalam hal Sabah Gas Industries, Kerajaan harus memandang lebih jauh daripada itu, iaitu peranan gas asli dalam pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan bahawa kekayaan negara diagih-agihkan secara adil dan saksama, maka itu di dalam mengimplementasikan dasar penswastan kita tidak sepatutnya mengutamakan kepentingan segelintir masyarakat dan mengenyepikan hak sesebuah negeri dan pekerja-pekerja Sabah Gas Industries.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengakhiri hujjah yang berbunyi sedemikian rupa;

"Memang sudah resam dunia,
Tiada yang kekal selama-lama,
Perlembagaan kita ada mengata,
Menghadkan masa untuk bertakhta.
"Lima tahun genaplah sudah,
Sultan Iskandar Shah akan bersara,
Rakyat Jelata sungguh bertuah,
Di perintah adil dan saksama.
"Selama bertakhta, tiada gelora,
Rakyat hidup aman sentosa,
Dari Perlis sampai ke Sabah,
Kemajuan pesat tidak terhingga.
"Ke negeri Johor kembali bertakhta,
Negeri termasyur dalam Malaysia,
Marilah kita sama-sama berdoa,
Semoga Baginda dan keluarga dipanjangkan usia
"Azlan Shah namanya Sultan,
Pengganti Agong Yang Kedelapan,
Kita mengalu-alukan hari pertabalan,
Raja Malaysia yang kesembilan.
"Kalau dinilai dari kelulusan,
Sememangnya tidak boleh dinafikan,
Agong Malaysia Yang Kesembilan,
Mempunyai banyak kelebihan.

"Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan negara,
Menjunjung kasih kepada Baginda,
Selamat bertakhta di Singgahsana,
Malaysia, negara yang tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujjah-hujjah yang sedemikian dan dengan penuh hormat dan takzim, izinkan saya mohon mencadangkan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum mesyuarat kita diteruskan, terlebih dahulu saya ingin memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebagaimana kita semua sedia maklum Yang Berhormat Dato' Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Abang Haji Mohidden, iaitu Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini telah dianugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Darjah SETIA NEGARA BRUNEI Yang Amat Berbahagia yang membawa gelaran Datuk Setia, sempena lawatan Diraja ke Sarawak pada 9hb Mac, 1989 yang lalu. Saya percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini bersama-sama dengan saya merasa sungguh megah dan gembira di atas penganugerahan tersebut yang mana ianya telah mencatatkan satu sejarah kepada Dewan yang mulia kita dan saya yakin dengan ini harus boleh menjadi satu teras bagi memperkuat tali persahabatan di antara dua buah negara yang berjiran iaitu negara kita dan negara Brunei Darussalam.

Maka dengan ini saya bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan sebulat suara ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Abang Haji Mohidden, Yang di-Pertua Dewan Negara kita. Sekian, terima kasih [**Tepuk**].

4.47 ptg.

Dr. Tan Choog Keng: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong Usul mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah kepimpinan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan usaha Kerajaan dan kerjasama rakyat jelata, negara kita Malaysia ini telah mencapai kemakrnuran dan kemajuan dalam berbagai bidang, sehinggakan negara kita ini telah menjadi satu tumpuan pelaburan, asing secara am dan khasnya daripada negara-negara ASEAN. Kesemua kemajuan ini tidak dapat di nikmati jikalau sikap kerjasama dan perpaduan tidak dipelihara di antara rakyat berbilang kaum di negara kita ini, sepertimana yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kepentingan diri hendaklah diketepikan supaya negara kita dapat terus maju dalam usaha-usaha pembangunan serta minat daripada pelaburan asing dapat ditingkatkan.

Sehubungan ini ahli-ahli politik daripada berbilang kaum seharusnya menimbang rasa terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat berbilang kaum dan bukan sentiasa memandang dan mengkaji masalah-masalah negara ini semata-mata sebagai masalah sesuatu kaum sahaja. Saya ingatkan pandangan-pandangan yang terlampau yang disuarakan, mengakibatkan polarisasi perkauman dihasilkan. Contohnya, kemiskinan adalah satu maaalah yang dihadapi oleh rakyat berbilang kaum. Dasar Ekonomi Baru negara ini telah digital dengan tujuan-tujuan utama membasmikan kemiskinan rakyat dengan tidak mengira kaum dan menyusun semula masyarakat. Dalam perkataan lain, jurang yang didapati antara kumpulan yang berada dan kumpulan yang tidak berada perlu dikurangkan dengan Kerajaan menolong golongan yang kurang bernasib baik itu memperbaiki lagi taraf hidup mereka.

Malangnya, apabila dasar ini dilaksanakan terdapat penyelewengan-penyelewengan di sana-sini dan apabila kritik-kritik penyelewengan itu disuarakan, kadangkala kritik-kritik itu dipandang dari segi perkauman. Dilemma ini adalah sangat menyedihkan dan juga merugikan. Kita perlu menganggapkan masalah kemiskinan itu sebagai satu masalah negara, tidak kira kaum, bukan daripada pandangan perkauman. Oleh kerana itu saya berharap ahli-ahli politik negara ini boleh mengambil satu sikap yang lebih terbuka kepada kritik dan satu sikap yang lebih sensitif kepada keperluan-keperluan rakyat berbilang kaum.

Kita semua hendaklah bersikap membina terhadap rancangan-rancangan dan dasar-dasar Kerajaan. Demikianlah nasihat yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong, Justeru itu segala kritik penyelewengan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru mesti diambil sebagai satu cara membina, satu cara di mana ahli-ahli politik boleh menyumbang kepada pembinaan, pembangunan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Majlis Perundingan Ekonomi Negara baru-baru ini adalah sangat-sangat dialukan. Wakil dari semua golongan masyarakat kita ini dapat membincang isu-isu ekonomi negara kita ini dengan harapan satu Dasar Ekonomi yang lebih sesuai akan digubalkan untuk negara kita ini selepas tahun 1990. Saya berpendapat bahawa pandangan-pandangan yang penting akan disuarakan

oleh wakil-wakil yang menganggotai Majlis tersebut dan saya berharap pihak Kerajaan yang berkenaan boleh mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menerima cadangan-cadangan yang akan dikeluarkan oleh anggota-anggota Majlis tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan yang cekap dan mutu pengeluaran yang tinggi perlu diamalkan supaya menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Sebaliknya jentera pentadbiran Kerajaan pada sebarang peringkat mesti selalu berjaga-jaga supaya kes seperti kata pepatah, Melayu: "Harapkan pagar, pagar makan padi" tidak berlaku sehingga merugikan ekonomi negara kita. Contohnya, skandal Bank Negara Malaysia baru-baru ini yang melibatkan M\$22 juta itu adalah sangat-sangat merugikan ekonomi negara kita ini. Saya merayu kepada Kementerian Kewangan supaya dapat-mengamalkan langkah-langkah yang lebih tegas untuk mengawal aktiviti-aktiviti kewangan supaya tindakan yang merugikan negara kita ini tidak berlaku pada masa hadapan. Lebih-lebih penting lagi kita mesti pentingkan disiplin di antara pegawai-pegawai yang bertanggungjawab terhadap kewangan bagi negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara kita, kita mesti mementingkan kemajuan generasi muda. Pendidikan itu adalah satu proses untuk menyediakan peraimpin-pemimpin negara yang akan datang. Oleh kerana itu usaha Kerajaan membiayai dan memperkembangkan sistem pendidikan Malaysia sangat-sangat dialukan. Apabila Kerajaan membuat sesuatu rancangan untuk pembangunan sekolah-sekolah, saya berharap peruntukan yang seimbang boleh

dijadualkan untuk pembangunan semua jenis sekolah dalam negara ini termasuklah Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Cina) dan seterusnya.

Kita selalu dapati bahawa sekolah-sekolah di kawasan desa ataupun di kampung kurang mendapat kemudahan-kemudahan pendidikan yang mencukupi, sehinggakan prestasi akademik pelajar-pelajarnya terganggu. Saya berharap Kerajaan dapat memberikan perhatian yang lebih mencukupi kepada sekolah-sekolah desa dari segi peruntukan, kakitangan dan kemudahan-kemudahan seperti pusat sumber, perpustakaan, gelanggang permainan dan sebagainya supaya dapat menolong anak-anak desa mencapai kemajuan sekolah yang lebih memuaskan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membantu golongan yang kurang berada.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya sistem penggal persekolahan yang baru dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), keperluan jadual waktu pelajaran sekolah sudah pun memperlihatkan satu masalah kekurangan bilik kelas untuk sekolah-sekolah menengah. Saya berharap Kementerian Pendidikan boleh mendapati peruntukan yang mencukupi untuk membina lebih banyak lagi bilik kelas yang boleh menampung pelajar-pelajar supaya jadual waktu pelajaran di dalam sekolah-sekolah di sesi boleh diaturkan dengan lebih senang. Juga diharap guru-guru sekolah menengah dapat diberikan latihan dalam perkhidmatan tentang KBSM yang sempurna supaya mereka bersedia untuk menjalankan tugas mereka di bawah garispanduan KBSM.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pengaduan terhadap guru-guru bahasa yang tidak berbahasa Cina ditugaskan untuk mengajar mata-pelajaran selain daripada bahasa telah menarik perhatian orang ramai dan juga pendidik-pendidik. Ada pihak-pihak yang berkenaan khuatir bahawa guru-guru itu akan mendatangkan perubahan kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) negara ini. Nampaknya masalah ini bangkit kerana ada sebilangan guru bahasa yang tidak berbahasa Cina yang terlatih daripada Maktab-maktab Perguruan Persekutuan yang dihantar kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina). Kalau kita dapati bahawa ini adalah punca masalahnya, patutlah kita memper-ingatkan Kementerian Pendidikan supaya pada masa hadapan apabila merancang latihan perguruan, elaan perlu diberikan kepada bilangan guru yang diperlukan untuk Sekolah Rendah Kebangsaan dan juga untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) supaya masalah seperti ini tidak berlaku pada masa hadapan.

Pada masa sekarang jikalau boleh, saya berharap Kementerian Pendidikan boleh menarik balik guru-guru bahasa yang tidak berbahasa Cina yang ditugaskan mengajar matapelajaran bukan bahasa dalam Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) untuk menyelesaikan masalah pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sedangkan Kerajaan kita ini menggalakkan pelaburan modal asing di dalam bidang perkilangan dan perindustrian di Malaysia dengan tawaran seperti status pioneer, dengan izin, dan juga kemudahan seperti pengecualian cukai ataupun diberi kemudahan Free Trade Zone, dengan izin, saya berharap Kerajaan kita ini juga memberi perhatian yang mencukupi kepada pengusaha-pengusaha yang datang daripada golongan anak Malaysia sendiri. Dari segi permohonan lesen perkilangan, lesen perniagaan dan juga kemudahan kredit daripada bank-bank dan sebagainya, anak-anak Malaysia mesti diutamakan berbanding dengan pelabur-pelabur modal asing.

Oleh kerana itu kita berharap Kementerian Kewangan boleh mengeluarkan garis panduan-garis panduan yang lebih sesuai kepada bank-bank supaya pinjaman wang boleh dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha tempatan supaya industri-industri tempatan dapat dikendalikan oleh anak tempatan Malaysia. Jikalau kita memberikan keutamaan yang **ber-**lebihan kepada pelabur-pelabur asing, akhirnya barangkali kita akan nampak satu situasi di mana anak-anak Malaysia tidak dapat satu peluang yang membolehkan mereka bersaing dengan pelabur-pelabur asing. Dari segi itu saya berpendapat anak-anak Malaysia adalah keutamaan perhatian Kerajaan. Saya berharap Kerajaan boleh menolong anak-anak Malaysia supaya maju dalam berbagai jenis perkilangan yang boleh mendatangkan lebih banyak keuntungan kepada Malaysia.

Akhirnya, saya ingin sekali lagi menyokong Usul Mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Semoga Tuhan melanjutkan usia Baginda. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis sekarang ialah satu Usul atas nama Yang Berhormat Tuan Pendikar Amin bin Haji Mulia iaitu:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampuan Tuanku,

Patik", Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia, di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih ke bawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen yang Ketujuh".

dan sekarang terbuka untuk dibahas. Saya jemput Yang Berhormat Tuan G. Rajoo.

5.02 ptg.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Usul menyembahkan Ucapan Terima Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Baginda semasa membuka Penggal Ketiga Penggal Ketujuh baru-baru ini.

Saya mengambil kesempatan ini menyembahkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Kebawah Duli semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Ketujuh baru-baru ini. Titah Ucapan Baginda telah merangkumi segala aspek, polisi dan pentadbiran negara yang merupakan suatu Titah Ucapan yang penuh nasihat yang bernas dan memberangsangkan setiap rakyat di negara ini. Walaupun Titah Ucapan Baginda merupakan Titah Ucapan yang terakhir kepada kedua-dua Dewan Parlimen, Titah Ucapan Baginda jelas memberi perangsang kepada rakyat jelata untuk berkhidmat dengan lebih ikhlas, jujur, tekun dan rajin untuk mewujudkan sebuah negara yang bermoral tinggi, aman, bersatu-padu dan bernaung serta dipandang tinggi oleh dunia.

Selama lima tahun pemerintahan Baginda, Baginda telah

memerintah negara yang tercinta ini dengan penuh ikhlas, jujur dan adil demi kepentingan negara walaupun menghadapi berbagai-bagai cabaran. Baginda telah merapatkan diri dan bergaul dengan penuh mesra dan sayang dengan rakyat selama pemerintahan Baginda sehingga nama Baginda akan kekal dalam hati sanubari rakyat selama-lamanya.

Saya juga mengambil kesempatan ini merakamkan menjunjung kasih Kebawah Duli Baginda, ke atas pemerintahan Baginda yang penuh manis selama lima tahun ini dan berdoa Agar Tuhan melanjutkan usia Baginda dan memberi kekuatan tenaga dan tubuh badan yang sehat agar Baginda terus memerintah Negeri Johor Darul Takzim selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Baginda telah menekankan aspek pencapaian matlamat perpaduan rakyat dan menasihatkan rakyat mengelak diri daripada membangkitkan perasaan perkauman. Saya amat bersetuju dengan saranan Baginda ini dan berharap Kerajaan akan terus bersikap tegas terhadap golongan-golongan yang tertentu yang ingin mengambil peluang melagakan rakyat dengan rakyat dan rakyat dengan Kerajaan atas isu-isu remeh-temeh di negara ini.

Kerajaan hendaklah sentiasa berwaspada terhadap golongan-golongan yang tertentu ini yang menggelar diri mereka sebagai kumpulan elite, dengan izin, dan mengancam Kerajaan dengan tujuan memburuk-burukkan nama baik Malaysia di kalangan dunia. Ada golongan yang mencabar Akta-akta Keselamatan negara ini dan meng-kondemnya kononnya Akta ini tidak berperikemanusiaan. Ada golongan pula yang mencabar kedaulatan undang-undang negara ini dengan mencabar kedudukan Ketua Hakim Negara yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kumpulan-kumpulan ini tidak sedar secara langsung atau tidak langsung, tindakan-

tindakan mereka ini akan menjejaskan keselamatan dan kedudukan kewangan negara. Akhirnya ini akan merugikan rakyat jelata dan tidak menguntungkan sesiapa pun.

Baru-baru ini kesatuan-kesatuan sekerja pula mengancam Kerajaan dan menuntut berbagai-bagai perkara sehingga bersedia mogok dan menunjuk perasaan berikutan dengan pemansuhan Majlis Bersama Kerajaan dan Majlis Bersama Jabatan. Dalam aspek ini saya berharap kepada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja di negara ini supaya lebih bertanggungjawab dalam sebarang tindakan mereka. Saya yakin pemimpin-pemimpin kesatuan di negara ini adalah personaliti yang bersikap tolerant dan responsive kepada prinsip bertolak-ansur. Mereka masih mempunyai jalan berbincang dengan Kerajaan untuk menyelesaikan tuntutan mereka. Mereka tidak perlulah mogok, tunjuk perasaan dan sebagainya untuk mencapai hasrat mereka. Saya juga yakin Kerajaan tidaklah begitu closed minded, dengan izin, sehingga menutup semua jalan, jentera perundingan terhadap tuntutan-tuntutan pekerja.

Oleh yang demikian, saya berharap masih ada jalan untuk kedua-dua pihak duduk berbincang semeja untuk menyelesaikan masalah yang ditimbulkan baru-baru ini. Perkara ini pasti akan membawa kejayaan kepada semua pihak. Kalau tidak, saya kawatir anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan ini untuk mencetuskan huru hara dan kucar, kacir di negara yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada dua peristiwa besar yang akan berlangsung di negara ini pada tahun 1989. Kita tidak mahu melihat negara dalam keadaan kekacauan semasa itu. Dua peristiwa besar yang saya maksudkan tadi adalah Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Komanwel dan Sukan Asia Tenggara Yang ke-15 yang dijadualkan berlangsung pada tahun ini,

Malaysia telah dipilih menganjurkan persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel tahun ini. Ini adalah satu penghormatan yang besar dan satu pengiktirafan kepada kestabilan politik dan ability negara ini.

Saya yakin dan percaya, Jentera Kerajaan telahpun berfungsi untuk menjayakan persidangan bertaraf antarabangsa ini. Saya juga percaya hampir 100 Ketua-ketua Kerajaan akan menghadiri persidangan ini dan Kerajaan haruslah mengambil tindakan yang positif untuk memberi kawalan keselamatan kepada mereka yang hadir ini.

Saya juga yakin Pasukan Petugas negara kita terutama sekali Pasukan Keselamatan kita mempunyai intelligence yang paling memuaskan untuk memberi kawalan keselamatan. Rakyat jelata juga harus memainkan peranan dengan mematuhi arahan-arahan pihak berkuasa di samping membantu mengindahkan wajah bangunan dan kebersihan ibu kota agar ianya mencerminkan keindahan serta kebersihan rakyat jelata. Perkara ini akan memberi kesan yang positif terhadap negara terutama sekali kepada industri pelancongan negara ini.

Kerajaan juga telah mengisytiharkan tahun 1990 sebagai 'Tahun Melawat Malaysia'. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang positif untuk menarik lebih banyak lagi pelancong ke negara ini. Publisiti seluas-luasnya hendaklah diberi kepada perkara ini bukan sahaja di dalam negeri-negeri, tetapi juga dalam media massa di luar negeri untuk memperkenalkan Malaysia yang penuh dengan nilai-nilai tradisi, budaya dan nilai-nilai moral.

Dalam aspek ini, saya difahamkan bahawa Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan telah menyediakan beberapa buku panduan dalam berbagai bahasa untuk menarik pelancong luar negeri. Buku-buku yang dikeluarkan itu adalah di dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin, Bahasa Perancis, Jepun dan sebagainya.

Tetapi tidak dikeluarkan dalam Bahasa Tamil. Perkara ini telah menimbulkan perasaan tidak senang di kalangan rakyat keturunan India di negara ini. Saya faham buku panduan ini bertujuan menarik pelancong di luar negeri, tetapi saya yakin kita harus juga menarik pelancong dari negara India. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan terus mencetak buku panduan ini dalam Bahasa Tamil untuk menarik pelancong yang berbahasa Tamil di seluruh dunia ini.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan mengambil langkah menasihati dan mengarahkan kakitangan Kerajaan di beberapa anti-point kita supaya bersopan-santun dan berbudaya Malaysia apabila menyambut tetamu-tetamu kita sama ada mereka datang menghadiri persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Negara-negara Komanwel ataupun datang sebagai pelancong ataupun datang ke negara ini mengambil bahagian dalam Sukan SEA yang ke-15 nanti. Lebih kurang 10,000 peserta dijangka datang ke negara ini semasa itu. Kakitangan-kakitangan Kerajaan dan rakyat yang berhampiran dengan anti-point Lapanganterbang di negara ini akan menjadi tumpuan seluruh masyarakat yang memasuki negara ini. Oleh yang demikian, semua rakyat negara ini hendaklah memainkan peranan masing-masing untuk menjayakan ketiga-tiga peristiwa penting di negara ini di samping meningkatkan imej negara di kalangan negara-negara antara-bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengalu-alukan langkah Kerajaan mempertingkatkan usaha-usaha taraf kesihatan di negara ini. Dalam aspek ini saya amat bangga mengatakan teknologi moden dan kepakaran pegawai-pegawai perubatan kita adalah di antara yang amat paling baik dalam dunia ini. Itulah sebabnya Perdana Menteri yang kita sayangi bersedia menjalankan pembedahan jantung di negara ini

Beliau yakin dengan kepakaran perubatan tempatan dan bersetuju menjalankan pembedahan di negara ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menjadi Menteri pertama menjalani pembedahan jantung di negara ini. Ini juga adalah satu penghormatan yang besar kepada bidang perubatan negara ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menjalani pembedahan kini didapati pulih dengan baiknya dalam tempoh yang ditetapkan dan saya berdoa agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan pulih dengan sepenuhnya secepat mungkin dan balik bertugas seperti biasa tidak lama lagi.

Dalam aspek kesihatan, saya ingin menarik perhatian Kerajaan bahawa Kerajaan masih tidak dapat mengutip caj-caj hospital dari golongan besar rakyat jelata. Walaupun caj yang dikenakan itu jauh amat rendah dibandingkan dengan caj-caj yang dikenakan oleh hospital swasta di negara ini. Tunggakan caj-caj hospital yang masih belum dijelaskan oleh rakyat jelata berjumlah berjuta-juta ringgit. Besar kemungkinan jumlah ini akan meningkat tahun demi tahun dan akan menyulitkan akaun kewangan negara. Kerajaan hendaklah mencari jalan mengutip balik caj tunggakan dari bekas-bekas pesakit yang berkemampuan tetapi sengaja enggan membayarnya. Jika perlu, orang-orang ini hendaklah dihadapkan ke mahkamah kerana enggan membayar hutang Kerajaan. Akan tetapi kepada orang-orang miskin yang benar-benar tidak mampu membayarnya, Kerajaan hendaklah menghapuskirakan hutang mereka dengan syarat perkara ketidak mampuan itu disahkan oleh orang-orang kenamaan seperti penghulu, ketua kampung, guru-guru besar, ADUN ataupun Ahli-ahli Parlimen.

Saya sedar pada masa ini pun ada proviso untuk mengecualikan charge hospital jika mereka dapat surat pengesahan dari orang-orang kenamaan. Akan tetapi, dukacita saya nyatakan di Dewan yang mulia ini adakala surat-surat daripada Ahli-ahli Senet tidak langsung diberi layanan oleh pihak hospital. Saya sendiri telah mengalami

keadaan pahit seperti ini dari hospital-hospital. Ada juga hospital yang terima surat pengesahan saya dan telah mengecualikan caj hospital kepada pesakit. Tetapi ada juga hospital yang menolak surat pengesahan saya. Ini jelas membuktikan bahawa pihak hospital tidak mempunyai satu sistem garis panduan atau ruling yang tertentu surat-surat pengesahan itu. Perkara ini telah membawa kekeciwaan antara rakyat dan menimbulkan perasaan ketidakpercayaan terhadap Ahli-ahli Parlimen seperti kita. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan supaya mengeluarkan satu garis panduan yang lengkap tentang surat-surat pengesahan ini. Setelah dikaji semula garis panduan yang sedia ada, perkara ini hendaklah dihebohkan seluas-luasnya supaya tidak menimbulkan kekeliruan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek caj hospital, saya ingin mencadangkan bahawa Kerajaan mengkaji kemungkinan memperkenalkan insiden kesihatan negara seperti yang diamalkan oleh beberapa negara yang maju. Saya difahamkan Kerajaan telah membuat kajian dengan menggunakan pakar-pakar perunding luar negeri dalam aspek ini untuk melaksanakan skim insurans kesihatan negara. Saya berharap Kerajaan akan memperkenalkan insurans-insurans kesihatan ini secepat mungkin yang boleh. Dengan adanya skim insurans kesihatan negara seperti ini, Kerajaan dapat meningkatkan mutu dan prestasi perubatan di negara ini. Lama-kelamaan Kerajaan tidak perlu menanggung perbelanjaan yang besar bagi perkhidmatan kesihatan di negara ini. Perbelanjaan kesihatan bagi seseorang pesakit akan dapat dibiayai oleh skim insurans ini. Saya berpendapat dengan adanya skim insurans kesihatan seperti ini, ubat-ubat yang lebih baik dapat diperolehi bagi pesakit-pesakit walaupun dia dari golongan yang berpendapatan rendah. Akhir sekali skim insurans kesihatan negara ini dapat membuka jalan bagi menswastakan perkhidmatan kesihatan

di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini adalah berkenaan dengan usaha-usaha Kerajaan meningkatkan taraf kehidupan rakyat. Kerajaan telah berusaha menambahkan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air paip, elektrik dan jalanraya. Kerajaan juga telah menumpukan usaha bagi menemui keperluan perumahan, pengangkutan dan perhubungan di bandar dan di luar bandar untuk dinikmati oleh semua rakyat.

Akan tetapi segolongan besar rakyat keturunan India yang tinggal di kawasan perladangan getah tidak dapat menikmati pertambahan kemudahan-kemudahan asas yang diusahakan oleh Kerajaan. Penduduk-penduduk ladang getah ini yang lazimnya tinggal di luar bandar belum lagi menikmati kemudahan-kemudahan Kerajaan dengan sepenuhnya. Mereka masih lagi hidup tanpa kemudahan-kemudahan asas seperti orang-orang kampung yang tinggal di kawasan-kawasan terpencil.

Kekurangan kemudahan asas yang paling ketara adalah ketidak-sempurnaan kemudahan perumahan di ladang-ladang getah bagi pekerja-pekerja ladang di negara ini. Perkara ini telah ditimbulkan semenjak zaman penjajah dahulu tetapi masih tidak dapat diatasi. Semasa Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri, satu Tabung Pusingan bagi perumahan pekerja-pekerja ladang sejumlah \$10 juta telah ditubuhkan tetapi malangnya Tabung Pusingan itu sekarang tidak digunakan untuk mendirikan rumah-rumah bagi pekerja-pekerja ladang, hanya lapan-sembilan buah ladang sahaja yang telah menggunakan Tabung Pusingan itu dan mendirikan rumah untuk dimiliki oleh pekerja-pekerjanya. Lain-lain ladang di negara ini masih tidak berganjak untuk mengorbankan tanah mereka bagi mendirikan rumah-rumah pekerja-pekerjanya untuk dijual.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham perasaan tuanpunya ladang atas perkara ini dan Kerajaan pun tidak boleh menggubal undang-undang untuk memaksa tuanpunya ladang untuk mendirikan rumah bagi pekerja-pekerjanya. Jika kita menggubal undang-undang untuk memaksa tuanpunya ladang mendirikan rumah untuk dijual kepada pekerjanya, kita akan dituduh sebagai merampas harta tuanpunya ladang tersebut.

Akan tetapi saya percaya pihak Kerajaan boleh menggubal undang-undang untuk menyelaraskan perumahan di seluruh ladang di negara ini dengan menentukan spesifikasi yang standard bagi semua perumahan di ladang-ladang. Dengan adanya spesifikasi seperti ini perumahan di ladang-ladang akan dapat berwajah baru dan akan dirasai lebih selesa untuk kehidupan mereka.

Undang-undang boleh digubal untuk memaksa tuanpunya ladang memberikan kemudahan asas seperti air, api, jalanraya dan kemudahan telefon. Tuanpunya ladang boleh juga menjualkan rumah-rumah tersebut kepada pekerja dengan kos yang berpatutan jika seseorang pekerja itu telah lama tinggal di rumah tersebut. Dengan adanya kemudahan perumahan yang selesa, saya berharap dan yakin masalah kekurangan pekerja di sektor perladangan tidak akan timbul lagi dan kita tidak perlu lagi mengimport pekerja-pekerja asing untuk berkerja di ladang-ladang getah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin membawa perhatian di Dewan yang mulia ini adalah berkenaan dengan pertambahan jenayah-jenayah komersial di negara ini. Jumlah jenayah komersial adalah membimbangkan. Beberapa jenayah komersial seperti Skandal BMF, skandal koperasi di negara ini dan bank-bank perdagangan dan lain-lain institusi kewangan masih tidak dapat diselesaikan sehingga hari ini kerana orang-orang yang melibatkan diri dalam jenayah itu lebih pandai dari pihak-berkuasa.

Saya mengalu-alukan tindakan Kerajaan untuk memperkuat pasukan Polis dengan menempatkan beberapa orang profesional seperti peguam, akauntan dalam bidang komersial untuk membanteras penjenayah komersial ini. Kebanyakan penjenayah ini sekarang menggunakan teknologi moden seperti komputer untuk melakukan penipuan mereka.

Kerajaan hendaklah sentiasa berwaspada dan lebih berjaga-jaga tentang penipuan-penipuan seperti ini. Jika perlu, pihak Polis hendaklah menggunakan alat-alat sofistikated untuk mengesan jenayah komersial ini.

Kerajaan dan pihak swasta terutama sekali bank perdagangan telah kehilangan berjuta-juta ringgit akibat penipuan-penipuan seperti ini. Kerajaan tidak seharusnya membiarkan segolongan kecil penjenayah itu menghisap fund-fund Kerajaan dan pihak bank seperti di Bank Negara dan Bank Bumiputra baru-baru ini. Pihak Polis hendaklah mengambil langkah yang tegas dengan seberapa segera yang boleh untuk menyelamatkan wang yang dihisap itu. Kelewatan tindakan Polis akan mengakibatkan sejumlah wang yang besar berubah tangan dan tidak dapat diselamatkan,

Kerajaan hendaklah juga memberikan hadiah atau reward yang lumayan kepada orang-orang yang memberikan maklumat sehingga tertangkapnya penjenayah tersebut. Pihak Polis hendaklah bertindak segera bukan sahaja untuk membanteras penjenayah tetapi juga untuk menyelamatkan sebahagian besar wang yang dihisap apabila berlakunya penipuan itu. Dengan cara ini, saya percaya pihak Polis dapat meyakinkan semula kepercayaan rakyat terhadap pasukan Polis kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek penipuan ini, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada sejenis penipuan yang berlainan sedikit iaitu rasuah. Saya juga mengalu-alukan tindakan Kerajaan yang menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet untuk membanteras rasuah yang dianggotai oleh beberapa orang jemaah Menteri. Penuhuan Jawatankuasa Kabinet ini adalah tepat pada waktunya dan dapat mengawal penyelewengan di sektor Kerajaan dan swasta.

Walaupun Kerajaan mempunyai beberapa undang-undang yang

mengawal rasuah di negara ini masih terdapat kas-kes rasuah yang memberi kesan negatif kepada pandangan dunia luar. Kerajaan hendaklah mengambil langkah yang lebih tegas untuk membanteras rasuah dengan meminda beberapa undang-undang agar hukuman yang dikenakan itu lebih berat lagi supaya ianya menjadi satu pengajaran bagi orang-orang yang terlibat. Undang-undang rasuah hendaklah diperketatkan dan diperluaskan lagi agar setiap yang terlibat dalam rasuah tidak dapat melarikan diri dari hukuman. Harta yang diperolehi melalui rasuah itu hendaklah dirampas oleh Kerajaan. Kerajaan hendaklah memperkenalkan undang-undang merampas dan membekukan harta dan aset orang-orang yang terlibat dalam penerimaan rasuah. Rang Undang-undang perampasan dan pembekuan harta dan aset seperti itu telahpun diperkenalkan bagi kesalahan-kesalahan berkaitan dengan pengedaran dadah. Jika kita dapat memperkenalkan undang-undang seperti itu bagi pengedar dadah, saya yakin bahawa kita juga boleh memperkenalkan undang-undang seperti itu bagi aset yang dipercayai diperolehi dari rasuah. Lebih-labih lagi undang-undang seperti itu telah diperkenalkan di negara jiran dan saya yakin penggubalan undang-undang seperti itu pasti akan mengurangkan kes-kes rasuah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ramai orang di negara ini hidup dengan life-style yang mewah walaupun pendapatan mereka tidak begitu banyak. Ada pula orang-orang yang mempunyai aset dan harta yang tidak seimbang dengan pendapatan mereka. Orang-orang seperti ini perlu disoal-siasat untuk memastikan kesalahan-kesalahan harta dan aset mereka. Undang-Undang perampasan dan pembekuan harta itu akan pasti dapat mengurangkan kes-kes rasuah di negara kita ini dan akan menjadi satu penghalang kepada orang-orang yang ingin melibatkan diri dalam rasuah itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkatakan Dasar Ekonomi Baru yang mana tujuannya adalah untuk memajukan dan membasmikan kemiskinan rakyat Malaysia sama ada di bandar mahupun di luar bandar yang terdiri daripada masyarakat majmuk pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu dapat dirasakan dan dinikmati oleh semua kaum.

Dalam meninggi dan meningkatkan lagi taraf kehidupan rakyat berbilang kaum, kita juga tidak dapat melupakan atau menganak-tirikan golongan yang berpendapatan rendah dari pegawai-pegawai Kerajaan yang telah berkhidmat lebih dari 30 tahun dengan cemerlang. Untuk tujuan ini, Kerajaan boleh memberikan sebidang tanah untuk pertanian dan juga penternakan agar keluarga mereka dapat menambahkan pendapatan untuk menanggung perbelanjaan harian mereka. Ini adalah kerana kos kehidupan sentiasa meningkat dari semasa ke semasa. Bagi tujuan ini segelintir pegawai-pegawai Kerajaan yang berpendapatan rendah telah dan sedang mempraktikkan cara tersebut di kawasan mereka tinggal dengan menanam pisang, ubi dan sayur-sayuran dan lain-lain lagi, Dengan berbuat demikian, sudah tentu dapat mengurangkan beban dan tanggungjawab pegawai-pegawai ini yang mempunyai keluarga yang ramai dan kini anak-anak mereka tidak lagi mempunyai pekerjaan. Program ini akan membantu mereka selepas mereka bersara yang mana menambahkan pendapatan sedikit sebanyak dapat digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan boleh memberi perhatian berat dalam hal ini kerana selepas persaraan akan timbul masalah-masalah kewangan bagi pegawai—pegawai yang berpendapatan rendah ini memandangkan keadaan ekonomi yang tidak menentu pada masa ini dan harga barang-barang keperluan semakin tinggi kepada anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali izinkan saya sentuh sedikit tentang bidang pendidikan negara ini.

Dalam Titah Ucapan Baginda telah bertitah kepada seluruh rakyat supaya bekerjasama dan menyambung usaha Kerajaan dalam pembaharuan di bidang pendidikan. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucap tahniah kepada Menteri Pendidikan kita yang telah mempergiatkan usaha-usaha pembaharuan di bidang pendidikan sebagai satu langkah untuk memenuhi keperluan negara pada masa ini dan masa akan datang. ke arah meningkatkan pembaharuan dalam sastera pendidikan, Yang Berhormat Menteri telah memperkenalkan sistem baru penggal Persekolahan, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, pengajaran komputer, mata pelajaran Kemahiran Hidup (Living Skill) dan sebagainya untuk meningkatkan prestasi pendidikan negara ini setanding dengan negara-negara maju.

Saya menyokong penuh pembaharuan-pembaharuan ini dan berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan terus melaksanakan Program-program pendidikan ini demi kepentingan anak-anak kita.

Saya faham Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita sekarang telah menjadi tidak popular di kalangan ibu bapa kerana memperkenalkan waktu pelajaran yang panjang, kononnya anak-anak mereka diserang penyakit gastrik. Tetapi saya berpendapat semua ini adalah alasan yang remeh-temeh dan bertujuan menggagalkan usaha kita meningkatkan prestasi pendidikan di negara ini.

Reformasi-reformasi pendidikan yang diperlukan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan adalah bertujuan memperkemaskan lagi sebahagian Akta-akta Pelajaran yang kurang menyenangkan sekarang.

Penekanan diberi kepada pelajaran Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi serta bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Akan tetapi penekanan yang sama juga diberi kepada pelajaran bahasa Tamil, bahasa Cina, bahasa Arab dan juga bahasa-bahasa asing seperti bahasa Perancis dan Jepun. Oleh yang demikian, saya berpendapat ciri-ciri dalam usaha reformasi pendidikan ini haruslah disokong oleh rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun adanya ciri-ciri sebegitu baik dalam sistem pendidikan kita masih terdapat beberapa kekurangan yang harus diperbaiki. Di antara perkara-perkara perlu diperbaiki adalah berkaitan dengan polisi dan ada yang berkaitan dengan pentadbiran, Saya yakin dan percaya Kementerian Pendidikan akan mengambil langkah-langkah yang serius untuk memperbaiki keadaan-keadaan berikut.

Pada masa ini terdapat beberapa buah sekolah termasuk sekolah kebangsaan, sekolah rendah kebangsaan SRJK Cina, SRJK Tamil yang ditakrifkan sebagai sekolah bantuan modal kerana tapak tanah di mana sekolah itu didirikan bukan dimiliki oleh Kerajaan. Sekolah-sekolah ini tidak diberi bantuan sepenuhnya untuk membangunkan infrastruktur dan alat-alat perabut seperti kerusi meja murid, mesin rumput, mesin roneo dan sebagainya. Sekolah-sekolah ini yang lazimnya terletak di luar bandar mengalami kekurangan bilik darjah, kerusi meja dan alat-alat perabut yang amat teruk. Ada sekolah-sekolah yang tidak mendapat bantuan selama 5 hingga 10 tahun dan murid-murid terpaksa berkongsi kerusi dan meja seperti yang berlaku di kebanyakan sekolah-sekolah Tamil di negara ini.

Oleh yang demikian, saya berharap, Kerajaan akan mengambil tindakan untuk membeli tapak tanah di mana terletak sekolah ini dan menjadikannya sekolah bantuan penuh agar anak-anak di sekolah ini pun dapat menikmati kemudahan-kemudahan dari program pendidikan negara.

Kerajaan tidak perlu menggubal undang-undang untuk memiliki tanah tersebut kerana jika kita berbuat demikian, kita akan digelar sebagai merampas harta orang. Oleh yang demikian, kita harus pujuk tuan punya tanah untuk menjual tanah tersebut dan Kerajaan membelinya dan jadikan sekolah itu sebagai sekolah bantuan penuh.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara berkenaan dengan kemudahan fizikal sekolah adalah berkenaan dengan pembinaan bilik-bilik darjah tambahan. Beberapa buah bilik darjah telah dirancang untuk dibina semenjak Rancangan Malaysia Ketiga, Keempat dan Kelima tetapi pembinaan bilik-bilik darjah ini tidak dapat disempurnakan kerana keadaan kewangan negara selama ini. Pada masa sekarang ekonomi negara telahpun pulih dan saya berharap Kerajaan akan melaksanakan projek-projek pembangunan sekolah dan pembinaan bilik-bilik yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Keempat dan Kelima yang ditunggu-tunggukan oleh sekolah-sekolah tersebut selama—lama ini.

Dalam aspek ini Kerajaan haruslah memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah yang mempunyai dua sesi yang iaitu sesi pagi dan sesi petang. Dalam program pembinaan sekolah yang akan datang agar semua sekolah di negara ini dapat mengadakan persekolahan

pada sebelah pagi sahaja. Polisi Kerajaan pun adalah untuk mengadakan sekolah satu sesi atau, dengan izin, "one session school" di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa satu perkara lagi untuk perhatian Dewan yang mulia ini berkaitan dengan polisi pendidikan. Ia adalah berkenaan dengan perlantikan guru-guru bukan proficient dalam bahasa Tamil ke jawatan kenaikan pangkat sebagai Guru Besar, Guru Penolong Kanan dan Guru Kanan Ko-Kurikulum di sekolah-sekolah Tamil di negara ini.

Saya tahu dan faham perkara ini agak sensitif sedikit dan oleh yang demikian Kementerian haruslah berbuat sesuatu sebelum ianya dieksploitasikan oleh anasir-anasir tertentu dalam negara ini. Semenjak tahun 1987 sebanyak 11 orang guru yang bukan proficient dalam bahasa Tamil telah dinaikkan pangkat sebagai Guru Besar, Guru Penolong Kanan di SRJK Tamil di negara ini - dua orang di Negeri Sembilan, empat orang di Pahang, empat orang di Perak dan seorang di Pulau Pinang. Jika Yang Berhormat Menteri perlu butir-butir lanjut mengenai perkara ini boleh saya bekalkan.

Ada di antara mereka yang tidak langsung tahu menulis atau membaca dalam bahasa Tamil, Saya pasti perkara begini akan menjejaskan pentadbiran dan pelaksanaan kurikulum di sekolah-sekolah tersebut. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya menukar mereka ke lain-lain sekolah di mana perkhidmatan mereka diperlukan.

Saya memohon dan berharap guru-guru yang 'beroption' Tamil sahaja dilantik menjadi Guru Besar dan Guru Penolong Kanan di sekolah-sekolah Tamil di negara ini.

Mereka adalah lebih sensitif terhadap keadaan sekolah-sekolah Tamil dan lebih sesuai dilantik menjadi Guru Besar di Sekolah Tamil. Lebih-lebih lagi inilah satu-satunya peluang kepada guru-guru Sekolah Tamil mendapat kenaikan pangkat setelah berkhidmat dengan begitu tekun dan jujur selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara adalah berkenaan dengan pembekalan buku-buku teks ke sekolah-sekolah negara ini. Kementerian Pendidikan telah meluluskan beberapa jenis buku teks bagi semua matapelajaran supaya digunakan oleh murid-murid sekolah. Akan tetapi saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini bahawa buku-buku bahasa Inggeris bagi tahun 3 dan tahun 4 ke SRJK Tamil dan ke SRJK Cina tidak disenaraikan dalam judul buku bagi sekolah-sekolah ini. Begitu juga dengan keadaan buku-buku bahasa Tamil dan Cina bagi sekolah-sekolah Kebangsaan dan SRK untuk murid-murid Cina dan Tamil untuk pelajaran POL sekolah-sekolah tersebut bagi tahun 3 dan tahun 6.

Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kementerian Pendidikan mengkaji kemungkinan menyenaraikan buku-buku teks bahasa Inggeris tahun 3 dan tahun 4 kepada SRJK Tamil dan Cina serta buku-buku bahasa Tamil dan Cina bagi pengajaran POL di sekolah SRK dan SRJK tahun 3 hingga 6 supaya pelajaran dan pembelajaran matapelajaran bahasa-bahasa ini dapat dilanjutkan dengan lebih sempurna.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pengumuman Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk mewujudkan gaji 2

skim kepada semua pegawai pendidikan di negara ini. Pelaksanaan gaji 2 skim ini adalah satu langkah yang positif untuk meningkatkan prestasi pendidikan di negara ini. Akan tetapi, saya difahamkan segolongan guru iaitu guru-guru kategori B1 dan B2 seramai 11,000 orang tidak akan diserapkan ke dalam gaji 2 skim ini kerana kononnya mereka tidak mempunyai kelayakan minima yang asasnya iaitu kepujian Bahasa Malaysia dalam peringkat SPM. Saya berpendapat perkara ini tidaklah begitu adil kerana mereka ini adalah guru-guru yang berusia lebih daripada 45 tahun dan pasti mereka tidak boleh meninggikan kelayakan akademik mereka pada umur yang begitu lanjutnya ini. Kerajaan haruslah menyerapkan kesemua 11,000 orang guru-guru dalam gaji 2 skim ini kerana ianya tidak akan melibatkan implikasi kewangan yang begitu besar dan hampir kesemua guru-guru ini telah berkhidmat dengan penuh dedikasi lebih daripada 20 tahun. Mereka mencurahkan khidmat bakti mereka semasa negara paling memerlukan mereka. Oleh yang demikian tidak sopanlah kita jika mereka ini dibiarkan tanpa peluang faedah semasa pelaksanaan gaji 2 skim nanti. Mereka juga menjalankan tugas dan tanggungjawab sama dengan lain-lain guru, oleh yang demikian, haruslah dibayar gaji yang sama seperti yang terkandung dalam prinsip kadar upah, dengan izin, rate for the job. Prinsip Aziz Commission dan Cabinet Committee Report jelas memperuntukkan seseorang yang menjalankan tugas dan tanggungjawab yang serupa atau seakan-akan serupa hendaklah dibayar gaji yang sama irrespective of sama ada ia mempunyai kelayakan tinggi atau rendah. Atas dasar ini saya percaya Kerajaan haruslah menyerapkan guru-guru kategori B1 dan B2 ini dalam gaji 2 skim. Kerajaan pernah memberi beberapa konsesi kepada skim Perkhidmatan Perguruan seperti kelonggaran syarat kepujian SPM, menyamakan

kelayakan darjah 4 sebelum Perang Dunia setaraf dengan SPM dan sebagainya. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan memberi satu lagi konsesi kepada guru-guru kategori B1 dan B2 ini dan menyerapkan mereka ke dalam gaji 2 skim tanpa sebarang syarat dan memberi satu hadiah Hari Raya Puasa yang paling istimewa tahun ini.

Dengan harapan yang murninya ini, sekali lagi saya menyokong penuh Usul yang menyembah merakamkan ucapan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Baginda semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.

4.46 ptg.

Tuan Tiong Hiew King: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa merasmikan Mesyuarat Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh pada 6hb Mac, 1989.

Tuan Yang di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapannya telah menyentuh banyak perkara yang asas yang berkaitan dengan pembangunan negara kita dan memberi beberapa garis haluan yang perlu diikuti oleh semua kita. Izinkanlah saya memetik dari Titah Di-Raja: Bersedia menghadapi jalan baru pembangunan ekonomi, maka patutlah kita semua sebagai rakyat yang taat setia yang cintai negara dan tanahair kita Malaysia memegang teguh pada prinsip-prinsip yang diringkaskan oleh

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan menjadikannya panduan yang pedoman bagi kehidupan kita, baik dalam aktiviti-aktiviti politik, pembangunan ekonomi, perhubungan rakyat pelbagai kaum mahupun dalam bidang pendidikan, kebudayaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa dan kali ini lagi mengingatkan kita supaya mengeratkan perpaduan di antara satu sama lain. Elakkanlah diri daripada membangkitkan perasaan perkauman. Kita tahu perpaduan negara adalah asas bagi pembangunan dan kemajuan negara. Tanpa perpaduan negara akan menjadi haru biru, pembangunan ekonominya terjejas, akhinya rakyatnya yang menderita. Kenyataan ini terbukti di beberapa negara Afro-Asia dan Latin Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah beberapa kali di Dewan yang mulia ini menyeru kepada pemimpin-pemimpin politik termasuk wakil-wakil rakyat dan ketua-ketua masyarakat supaya mengelakkan diri daripada membuat ucapan atau membangkitkan isu-isu yang berbau perkauman. Kesalnya kita terdapat pada masa kebelakangan ini ada lagi setengah-setengah pemimpin yang berbuat demikian demi sesuka hati seolah-olah untuk membela atau memperjuangkan kepentingan dan kesejahteraan kaumnya. Mereka itu juga memperlihatkan diri sebagai johan kaumnya dengan apa cara jua tanpa endahkan, akan akibatnya terhadap keamanan dan kestabilan negara, kemajuan ekonomi dan kesejahteraan rakyat seluruhnya.

Apa maksudnya? Sesiapa pun tahu mereka itu berniat untuk memancing undi atau mendapat sokongan dari rakyat. Pada hemat saya perbuatan atau ucapan sedemikian sangat berbahaya dan harus dicegahkan ketika Kerajaan telah dan sedang berusaha dengan segala daya upaya menarik pelaburan untuk menggalakkan kemajuan ekonomi negara, suasana pelaburan selain daripada macam-macam galakan yang disediakan juga termasuk suasana politik yang stable dan aman harus diutamakan dan dipelihara.

Demi keamanan dan kestabilan negara, demi perpaduan dan kesejahteraan rakyat berbagai kaum, demi kemajuan ekonomi negara, kita semua harus berpegang dan mengikuti Titah arahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia iaitu kepentingan diri hendaklah diketepikan dalam kehidupan politik kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara. Wakil dari semua golongan masyarakat dijemput untuk menganggotai Majlis ini untuk berbincang perkara ekonomi terutama berkaitan dasar ekonomi negara selepas 1950 dengan sikap yang terbuka dan saling faham memahami. Langkah ini memang adalah selaras dengan prinsip demokrasi yang setakat ini kita amalkan. Sehubungan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit sebanyak matlamat Dasar Ekonomi Baru dan pendekatannya. Dasar Ekonomi Baru yang Kerajaan kita amalkan selama ini pada amnya adalah tepat dan perlu dipandang dari segi matlamatnya. Rakyat Malaysia menyambut baik Dasar Ekonomi Baru ini kerana tujuannya ialah membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Menurut pandangan umum Kerajaan selama ini telah mencapai prestasi yang nyata dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini dan ekonomi negara telah maju dengan lebih pesat. Kalau bukan kerana setengah-setengah pendekatan yang diambil dari langkah-langkah perlaksanaannya dan boleh memerhatikan bahawa selama ini Kerajaan telah terlampau mengutamakan pembahagian 'kuih ekonomi' yang ada dan mencuaikan usaha mengumpulkan segala sumber yang sedia ada dalam negara kita untuk memperbesarkan 'kuih ekonomi' yang dapat dinikmati bersama-sama serta dibahagikan lebih luas di kalangan rakyat berbagai kaum.

Oleh yang demikian, saya ingin merayu Kerajaan supaya tidak akan mengulangi kesalahan, kesilapan dan kecuaiian tersebut. Saya berharap bahawa ketika menggubal Dasar Ekonomi Negara selepas 1990 nanti Kerajaan dapat memberi keutamaan kepada usaha untuk membesarkan 'kuih ekonomi' iaitu menambahkan kekayaan negara sambil tidak mengabaikan pembahagian kekayaan itu di kalangan rakyat berbagai kaum. Dengan demikian, saya yakin ekonomi negara akan berkembang dengan lebih pesat. Negara kita akan menjadi satu negara kecil di kawasan Asia yang mana dengan keutuhan ekonomi, rakyat kita dapat Hidup berharmoni, berbahagia dan bersatu padu.

Tuan Yang di-Pertua; di bidang pembangunan sektor pertanian, petani dan belia juga digalakkan untuk meningkatkan daya pengeluaran dan mutunya supaya hasil-hasil pertanian kita mendapat pasaran yang baik di pasaran antarabangsa mahupun menggantikan bahan-bahan makanan yang diimport di pasaran dalam negeri. Demi untuk menjayakan dasar itu saya memohon kepada Kerajaan agar mengadakan perundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya tanah-tanah di negeri-negeri dapat dibuka dan diberi kepada petani dan belia tidak kira apa kaumnya yang berhasrat mencebur diri dalam bidang pertanian. Dengan demikian ekonomi negara akan boleh maju dengan lebih pesat dan petani dan belia yang mungkin dahulu menganggur boleh menikmati hasil-hasil dari kemajuan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertuan, sehubungan dengan ini saya hendak mencajangkan agar Kerajaan mendapat suatu persetujuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam hal-hal mengenai projek-projek tanam semula hutan dan menyediakan galakan bagi usaha projek itu.

Seperti mana yang diketahui ada segelintir orang Eropah melalui organisasi-organisasi perlindungan alam sekitar dalam menjalankan kempen-kempen tidak beli kayu balak tropika ingin mencapai tujuan mereka yang tertentu. Kerajaan juga berusaha memberi penjelasan kepada para pembeli, pengimport kayu balak dan hasil kayu. Satu penyelidikan yang telah diadakan terhadap keadaan pembalakan dan perhutanan di Sarawak pada bulan yang lalu terdapat keadaan perhutanan adalah dipelihara dengan baik dan pembalakan dikawal dengan rapi mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan. Tidak ada apa-apa terjadi seperti mana yang dituduhkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya cuba mengemukakan satu cadangan iaitu usahawan-usahawan kayu balak dipelawa untuk mengambil bahagian di dalam menyertai projek-projek menanam semula hutan di kawasan-kawasan pembalakan yang telah dikerjakan. Syarikat-syarikat yang menyertai akan diberi suatu galakan yakni mereka dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan selama pokok-pokok kayu yang ditanam belum cukup besar untuk dipotong dan diproses dan dengan itu mereka digalakkan melabur semula keuntungan yang mereka perolehi dari perusahaan kayu itu di projek-projek tersebut. Ada baiknya kalau cadangan ini dilaksanakan kerana, pertama, terlaksananya projek ini orang dari organisasi perlindungan alam sekitar tidak akan dapat menentang pembelian hasil kayu tropika; kedua, projek ini dapat menjamin bahawa perhutanan akan tetap menjadi sumber kekayaan negara; ketiga, modal-modal yang ada boleh ditarik sepenuhnya ke dalam pelaburan jenis itu; dan keempat, projek ini akan juga

menyediakan peluang pekerjaan yang lebih kepada rakyat tempatan terutama penduduk-penduduk pendalaman dan dengan itu menambah pendapatan mereka. Saya berharap dan juga memohon jasa baik Kementerian berkenaan sudi memberi pertimbangan terhadap kemungkinan terlaksananya usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita kita melihat bahawa Kerajaan akan terus menyediakan kemudahan-kemudahan untuk menggalak dan meningkatkan lagi usaha-usaha pelaburan di negara ini. Misalnya Kerajaan terlambat mengutamakan pelaburan asing dan kurang berusaha memupuk usahawan-usahawan dalam negeri untuk melabur. Saya bukan menentang pelaburan asing. Pelaburan asing adalah penting juga dari dua segi iaitu pertama modal-modal kemahiran dan pengetahuan pengurusan mereka boleh dipergunakan untuk memesatkan kemajuan ekonomi negeri.

Kedua, pelabur-pelabur asing mempunyai rangkaian pemasaran yang luas di pasaran antarabangsa dan kemudahan-kemudahan ini boleh digunakan untuk memasarkan barangan kita di luar negeri.

Tetapi rakyat kita terutama usahawan-usahawan dalam negeri hingga sekarang belum diberi galakan yang cukup, maka nampaknya pelaburan dari mereka selama ini kurang memuaskan. Pada hemat saya kepentingan rakyat kita yang berbilang kaum harus juga dipelihara dan mereka ini harus setidaknya diberi layanan yang sama seperti yang diberi kepada pelabur asing. Dengan itu pihak swasta dalam negeri boleh memainkan peranan utama dalam kemajuan ekonomi dan dari itu rakyat dapat menikmati kemakmuran.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha pembaharuan Kerajaan di bidang penyelidikan sangatlah dialu-alukan kerana memenuhi keperluan negara pada masa ini dan akan datang. Rakyat hendaklah bekerjasama dan menyumbangkan secara membina kepada usaha-usaha Kerajaan ini sepertimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Di sini saya hendak menyentuh sedikit tentang perkara kekurangan guru-guru bahasa Mandarin di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Terdapat di akhir-akhir ini banyak guru-guru yang tidak pandai bahasa Mandarin ditugaskan untuk mengajar mata-pelajaran-matapelajaran bukan bahasa di sekolah-sekolah rendah itu. Walaupun Kementerian Pendidikan telah menyiasat perkara ini dan berjanji akan mengambil langkah untuk memperbaiki keadaan itu, tetapi saya masih berharap agar Kementerian Pendidikan dapat mengambil langkah-langkah untuk melatih lebih ramai guru-guru bahasa Mandarin bagi sekolah-sekolah jenis ini di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai usaha-usaha penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi di mahkamah, saya berpendapat bahawa semua pihak semestinya berusaha menjayakan usaha-usaha ini, bukan

hanya di mahkamah bahkan di aktiviti-aktiviti lainnya. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh bergesa-gesa kerana ini akan memakan masa yang agak panjang untuk menjayakan usaha penggunaan Bahasa Malaysia dengan baik di mahkamah. Sebab-sebabnya saya telah huraikan di mesyuarat Dewan ini dahulu. Yang penting ialah peguam-peguam boleh membela pihak yang dituduh dengan memberi pembelaan melalui bahasa Inggeris yang kini mereka menguasai demi untuk membela keadilan,

Maka saya mengusulkan agar peguam-peguam dan pihak swasta dapat dibenarkan menggunakan bahasa Inggeris dalam perbicaraan buat sementara waktu sambil mereka berusaha menguasai penggunaan Bahasa Malaysia dengan baik dan pihak Kehakiman juga mempercepatkan kerja penterjemahan undang-undang yang ada dari bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia untuk kegunaan peguam-peguam kelak. Yang penting ialah peguam-peguam boleh membela pihak yang dituduh dengan memberi pembelaan melalui bahasa Inggeris yang kini mereka menguasai demi untuk membela keadilan. Maka saya mengusulkan agar peguam-peguam dan pihak swasta dapat dibenarkan menggunakan bahasa Inggeris dalam perbicaraan buat sementara waktu sambil mereka berusaha menguasai penggunaan Bahasa Malaysia dengan baik dan pihak Kehakiman juga mempercepatkan kerja menterjemahkan undang-undang yang ada dari bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia untuk kegunaan peguam-peguam kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak juga menyentuh perkara permohonan taraf kewarganegaraan. Terdapat bahawa banyak lagi orang bukan warganegara yang telah bermastautin di Persekutuan berpuluh-puluh tahun belum mendapat taraf kewarganegaraan dengan cara

Pendaftaran atau Kemasukan walaupun mereka telahpun membuat permohonan. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kejahilan mereka terhadap undang-undang dan prosedur permohonan atau kesilapan teknik. Banyak telah bermastautin di Persekutuan atau di Sarawak sebelum Hari Malaysia. Ada yang dilahirkan di Sarawak sebelum Hari Malaysia. Setelah Malaysia merdeka, mereka menganggap bahawa mereka akan menjadi warganegara secara automatik kerana mereka bermastautin di sini lama sebagai *British subjects*, dengan izin.

Pada zaman penjajahan British banyak pemuda-pemudi yang telah bermastautin di Sarawak tidak kurang dari 15 tahun, melanjutkan pendidikan di Singapura yang pada waktu itu juga sebuah negeri jajahan British. Oleh kerana kejahilan mereka terhadap undang-undang Kerajaan, mereka tidak membuat permohonan pada waktu itu atau terlewat mengemukakan permohonan. Ada yang telah bermastautin di Sarawak sebelum hari Malaysia pun kehilangan kewarganegaraan kerana tidak mempunyai sijil beranak.

Memandangkan perkara kewarganegaraan mereka ini telah berlarutan dan berpanjangan dan pemerosesannya pun lambat, maka saya hendak mencadangkan bahawa orang-orang yang kini bukan warganegara diberi Perakuan Kemasukan jikalau mereka dapat mengemukakan bukti-bukti bahawa mereka telah lama bermastautin di Persekutuan sebelum Hari Malaysia, selain dari mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan di Perkara 19(1) (a) dan (b). Pada hemat saya peruntukan Perkara 19(1)(c) boleh dilonggarkan kerana kebanyakan mereka itu telah tua dan tidak mungkin mereka mempunyai pengetahuan yang memadai dalam Bahasa Malaysia. Memadailah kalau mereka boleh bertutur sedikit

banyak dalam Bahasa Malaysia. Maka saya memohon Kerajaan sudi memberi pertimbangan sewajarnya terhadap usul saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan di Dewan yang mulia ini satu cadangan iaitu Kerajaan boleh mengkaji semula Akta 237 yakni Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 terutama peruntukan mengenai saraan bagi Ahli Dewan Rakyat dan anggota Pentadbiran supaya satu tangga saraan baru yang akan selaras dengan taraf kehidupan semasa dapat dicadangkan untuk disahkan di Parlimen pada masa yang akan datang. Sepertimana yang kita ketahui Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 mulai berkuatkuasa pada 1hb Julai, 1980. Sejak itu Akta ini telah berlalu 9 tahun dan belum diberi pengkajian semula. Saraan tetap kekal seperti dahulu, tetapi harga-harga barangan terus naik dan nilai ringgit atau daya pembelian ringgit yang benar semakin menurun.

Adalah diperuntukkan dalam Akta 237 iaitu saraan bagi Ahli Dewan Rakyat berupa elaun bulanan sebanyak \$3,000 dan bagi Perdana Menteri, Menteri dan Setiausaha Parlimen berupa gaji bulanan sebanyak \$8,500, \$6,500 dan \$3,500 masing-masing. Pada hemat saya saraan ini adalah sangat rendah berbanding dengan negara jiran, lagi pula ada terdapat beberapa potongan dibuat ke atas gaji atau elaun bulanan tersebut.

Kita cuba ambil Singapura sebagai contoh. Mengikut tangga saraan bagi Ahli Parlimen Singapura yang baru ini kenaikan gaji bulanan bagi Perdana Menteri telah dinaikkan dari S\$23,900 ke kadar S\$38,275. Gaji bulanan baru bagi Menteri ialah S\$22,100.

Tuan Yang di-Pertua, kerana pertumbuhan ekonomi yang pesat perbelanjaan pun meningkat dan memandang keadaan telah berubah dan maju dengan cepat tangga elaun atau gaji saraan harus disemak. Saya berharap bahawa dengan perubahan nanti Ahli-ahli Parlimen dan anggota-anggota Pentadbiran boleh menjalankan tugas mereka masing-masing dengan lebih baik kerana gaji atau elaun yang mereka akan terima cukuplah bagi menampung perbelanjaan mereka dan keluarganya. Semoga Kerajaan akan sudi memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada cadangan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, sekali lagi saya menyokong usul mengucapkan Junjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan DiRaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua: Sila Yang Berhormat Puan Hajjah Habidah.

6.12 ptg.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk bangun menyokong usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Istiadat Perasmian Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh pada 6hb Mac, 1989 yang lepas .

Tuan Yang di-Pertua, kita semua merasa amat bersyukur kerana di dalam masa pemerintahan Kebawah Duli Baginda kita dapat hidup dengan aman dan makmur dan negara kita meningkat maju di dalam berbagai bidang dengan menerokai bidang-bidang baru dengan berani dan ber-sungguh-sungguh, lebih-lebih lagi di dalam bidang teknologi dan di-harapkan Kebawah Duli Baginda akan dapat memerintah negeri Baginda Johor Darul Takzim dengan aman, bahagia dan makmur hingga ke anak cucu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kesempatan membahas Titah Ucapan ini saya amat tertarik di dalam beberapa aspek memajukan negara melalui cara kita yang tersendiri seperti mementingkan perpaduan ummah dari rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, apakah peranan Jabatan Perpaduan Negara telah benar-benar berfungsi di dalam hal ini kerana kita lihat hanya sekadar melaksanakan program-program yang terhad dari tidak menyeluruh. Sepatutnya Kerajaan melalui Jabatan ini dapat membuat sesuatu yang benar-benar menyelami ke dalam maksud perpaduan itu, kalau tidak, ianya lebih baik tidak diadakan Jabatan berkenaan kalau hanya semata-mata melepaskan batuk di tangga atau hanya indah khabar dari rupa.

Tuan Yang di-Pertua, negara tidak akan mencapai ke tahap yang benar-benar maju dan dikagumi oleh semua di dalam atau luar negeri seandainya masalah perpaduan rakyat sejagat tidak dititikberatkan melalui bahasa, bangsa dan pra laku perkauman. Saya yakin perubahan ke arah perpaduan sejagat perlu dibuat sesuatu mulai dari sekarang sama ada meniru negara-negara lain seperti Indonesia misalnya. Di dalam hal ini rasanya sudah sampai masanya kita bertolak ke arah itu agar perasaan perkauman yang masih menebal tidak lagi, menjadi batu

penghalang di dalam mencapai kemajuan negara.

Saya dan kita semua sering mendengar laungan pemimpin-pemimpin ke arah perpaduan tetapi usaha ke arah itu kadang-kadang banyak menerima jalan buntu kerana fahaman pegawai-pegawai yang menjalankan tugas kadang-kadang lebih cenderung ke arah perpecahan dari perpaduan. Ini juga menyulitkan keadaan dan menghalang usaha ke arah perpaduan yang diluahkan oleh pemimpin-pemimpin.

Di dalam hal ini saya merasa amat terharu dan bangga dengan sikap pucuk pimpinan kita, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad yang walau bagaimanapun telah sanggup menyatupadukan kembali ketuanan ummah Melayu. Cuma yang perlu kita fikirkan kini bagaimana pula menyatukan semua ummah yang berada di Malaysia ini supaya menjadi satu ummah yang benar-benar padu dan bersemangat kebangsaan, tidak condong kepada negara-negara lain yang asal mereka datang. Kadang-kadang pendewaan kepada negara lain di mana asalnya itu lebih dititikberatkan dari negara ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat terkiklan seandainya persoalan ini terus-menerus terjadi tanpa ada usaha-usaha Kerajaan ke arah penyatuan, kebudayaan, corak hidup yang serupa jika dipandang dari sudut perniagaan dan perdagangan sudah pasti orang menganggap negara ini seperti juga negara Singapura yang hanya konsep kebangsaan yang berteraskan Melayu asal negara ini hanya sekadar tulisan dan menjadi perhiasan menarik untuk tontonan para pelawat dan pelabur luar sedangkan bila bidang perniagaan hendak dijalankan, mereka dahulu-dahulu telah menghubungi orang-orang lain supaya pengenalan perdagangan ini telah menunjukkan bahawa teras perdagangan sebenar di negara ini bukanlah terdiri dari kaum Melayu sendiri. Perkara ini perlulah diambilkira bila hendak digubal satu majlis perpaduan

negara yang benar-benar berfungsi dan tulen.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Titah Ucapan berhubung dengan Majlis Perundingan Ekonomi Negara pula yang mana dipimpin oleh Yang Berhormat Tan Sri Mohd. Ghazali Shafie, saya amat tertarik dengan usaha Kerajaan ini di dalam melakukan sesuatu perubahan ekonomi yang stabil dan mantap di negara kita ini. Perlulah diadakan seperti Majlis ini untuk menyelesaikan permasalahan ekonomi selepas 1990 nanti. Walau bagaimanapun, saya rasa sudah sampai masanya kita antara kaum berkorban bagi memajukan semua kaum dalam meninggikan ekonomi negara. Sektor pertanian biarlah menjadi teras di dalam mencapai sektor perkilangan yang dituju kerana keheningan desa masih lagi menambat hati penghuni-penghuni kota bila musim cuti.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah perkilangan ini yang menjadi masalah kini ialah masing-masing negeri berlumba-lumba menarik pelabur-pelabur atau syarikat-syarikat perkilangan mengadakan kilang-kilang di negeri-negeri mereka. Ini dipandang dari satu sudut adalah baik dari segi kemajuan perkilangan tetapi pembahagian sektor kerja dan tumpuan kepadatan penduduk akan menjadi tidak selari seandainya kilang-kilang didirikan di negeri-negeri yang telah banyak kilang. Oleh itu pembahagian mendirikan kilang di negeri-negeri yang kurang maju seperti Terengganu perlulah difikirkan juga oleh Jabatan berkenaan dan perlulah juga difikirkan bagi memajukan lagi kilang-kilang yang telah ada dan janganlah terlampau banyak sangat Jabatan-jabatan Kerajaan yang melakukan kerja-kerja yang sia-sia kepada kilang-kilang, seperti sebuah kilang terpaksa menghadapi berbagai-bagai Jabatan, misalnya hari pertama Jabatan Hasil Dalam Negeri, hari kedua Jabatan Kastam, hari ketiga Jabatan Alam Sekitar, hari keempat Jabatan Parit dan Taliair, Pejabat Tanah, Pejabat Daerah, Pejabat Bandaran, Majlis Daerah dan belum lagi masuk Bahagian Kewangan seperti Bank, Pejabat Audit dan lain-lain lagi.

Pendek kata sesebuah kilang terpaksa melayani semua Jabatan Kerajaan yang bersangkutan, ini menambahkan kerja sampingan yang tidak perlu. Oleh itu, Kerajaan haruslah memikirkan dan menyekat terlampau banyak Jabatan-jabatan Kerajaan yang berinteraksi dengan kilang-kilang dan ini juga boleh melemahkan pengeluaran hasil kilang-kilang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, peranan penyelidikan dan pengkajian amatlah perlu di dalam perusahaan dan perindustrian yang dimainkan oleh pihak swasta. Oleh itu, adalah wajar di negara ini digalakkan industri-industri besar melakukan penyelidikan untuk kemajuan industri mereka dan mengalih majukan lagi satu-satu industri kepada lain-lain tempat dengan membanyakkan sektor industri ke serata negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan mutu perkhidmatan Kerajaan, kita amat berbangga dengan perkhidmatan Kerajaan yang ada kini, dengan semangat yang gigih, bersih, cekap dan amanah tetapi suatu perangsang haruslah ditanam kepada Pegawai-pegawai kita agar mereka menjaga kesihatan, lebih baik dari mengubati sakit. Oleh itu, Kerajaan perlulah memikirkan aatu peraturan agar semua pegawai-pegawai Kerajaan mengadakan senaman pagi di pejabat masing-masing sebelum menjalankan kerja dan tugas harian kerana pujangga Arab pernah mengatakan:"Al-aqlus-salim fil-jismi-salim" - "Akal yang sejahtera itu, berada di dalam tubuh yang sihat" dan juta merasa senang bila melihat pegawai-pegawai kita cergas dan sihat, senyum selalu dalam menjalankan tugas.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan langkah mahkamah memelayukan semua urusan mahkamah amatlah disanjung dan kita

merasa amat terharu dengan kes-kes yang sepatutnya dibicarakan di dalam Bahasa Kebangsaan tetapi sampai ke saat ini masih lagi tidak mampu saya menyeru kepada semua golongan agar tidak lagi mendewadewakan bahasa penjajah yang telah memusnahkan dan melumpuhkan kita, bukan sahaja dari segi politik, bahkan ekonomi negara ini dan meletakkan taraf bangsa bumiputera ke tahap yang hina di niaga dunia. Kadang-kadang kita berterima kasih kepada mereka yang tidak berpendidikan barat dan tidak intelek kononnya, kerana ramai di kalangan orang-orang yang berpendidikan pondok dan berpendidikan kebangsaan sahaja itulah yang masih kuat mempertahankan kewibaaan Bahasa Kebangsaan. Namun sejauhmanakah mereka dapat mempertahankannya kerana yang mengongkong Dewan Bahasa dan struktur bahasa adalah golongan yang berpendidikan barat. Memang sedikit sebanyak biasanya condong kepada pengaruh barat, bukan sahaja dalam bahasa bahkan budaya bangsanya. Inilah yang merumitkan penerapan nilai-nilai kebangsaan dalam mahkamah ataupun mana-mana sektor intelek.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai pendidikan di negara ini, rata-rata ibu-bapa Islam mahu anak-anak mereka dididik secara islam tetapi tidak kolot dan kita di dalam hal ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan yang sudah memulakan penubuhan sekolah-sekolah menengah biasa dengan kelas-kelas agama dan bahasa Arab di samping pelajaran-pelajaran lain. Saya berasa yakin bahawa ibu bapa sangat berkehendakkan seorang engineer, hakim, lawyer, doktor dan sebagainya, tetapi mahir membaca Quran dan mahir berbahasa Arab serta pandai di dalam bidang agama. Selama ini kita tersalah langkah seolah-olah

orang yang belajar agama tidak boleh pandai berniaga atau mengurus bank dan mereka yang belajar doktor tidak boleh pandai agama, seolah-olah pelajaran itu menjadi sekular, sedangkan pada hakikatnya pelajaran adalah dari sumber yang satu. Firman Allah s.w.t. di dalam Al-Quran-ul-karim yang bermaksud - Dialah Allah yang memberi hikmah yakni pengetahuan kepada sesiapa yang ia kehendaki dan sesiapa yang mendapat pengetahuan itu maka orang itu adalah mendapat kebaikan yang banyak, dan tidak adalah peringatan melainkan bagi orang-orang yang mempunyai akal.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, sepatutnya kita hari ini hendaklah menjadikan pelajaran bersepadu sebagaimana yang dilaung-laungkan oleh pemimpin kita ataupun oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan memanglah sesuai sekolah-sekolah menengah dan rendah diubah suai menjadikan sekolah sebagai tempat pendidikan bersepadu rohani dan jasmaninya. Melalui KBSM, kita harap Kementerian Pendidikan berdaya mengubah attitude ataupun pemikiran pegawai-pegawai Kementerian dan guru-guru ke arah yang dicita-citakan supaya konsep pendidikan yang bersepadu benar-benar berfungsi dan berlandaskan iman dan takqa.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai dengan infrastruktur dan sosial, perlu dipergiatkan lagi dan diberi penekanan kepada masyarakat luar bandar dan penambahan kepada projek-projek yang telah ada seperti membesarkan masjid, memperbanyakkan kelas-kelas di sekolah, memperbaiki jalan-jalan dan lain-lain. Namun begitu, kita harus menyebut di sini bahawa kita lupa kepada projek yang telah kita bina, seolah-olah setelah projek itu terbina, maka ia tidak akan mengalami kerosakan atau susutan. Berapa banyak projek-projek

kecil infrastruktur yang dibina beberapa tahun dahulu telah musnah sama sekali dan menunggu peruntukan baru untuk dibuat kembali. Saya rasa. Kerajaan perlu sedar dan memberi sama peruntukkan membaiki kerosakan atau membaiki kesusutan supaya ia tidaklah banyak Kerajaan mengalami kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Titah Ucapan yang berkaitan dengan tentera dan angkatan bersenjata pula, di dalam menjaga keheheningan hidup masyarakat, maka betapa perlunya pasukan-pasukan tentera dan angkatan bersenjata kita yang benar-benar mampu, cerdik dan berwibawa. Oleh-itu, perlulah Kerajaan memikirkan bagi menyeyapkan satu pasukan tentera serba boleh dan mahir di dalam semua hal yang terdiri dari mereka yang berkelulusan tinggi atau satu pasukan tentera yang berijazah untuk menampung anak-anak kita yang lulusan ijazah menganggur. Pasukan ini perlulah diadakan demi menjaga dan mempertahankan negara yang tercinta ini, ianya bukan sahaja diadakan bagi tentera, bahkan juga di dalam polis dan dijangkakan satu masa nanti pasukan ini menjadi satu pasukan yang terkuat dan termoden di dunia.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah sampai. Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30, petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.